



PERATURAN-PERATURAN DAN PERLEMBAGAAN

**KESATUAN KEBANGSAAN
PEMBANTU PERAWATAN
KESIHATAN SEMENANJUNG
MALAYSIA (KKPPKSM)**

NO. PENDAFTARAN 13

PINDAAN PERATURAN RUJUKAN : 36/2/2010(1)&(2)

PINDAAN PERATURAN RUJUKAN : 36/3/2016(1)

PINDAAN PERATURAN RUJUKAN : 36/1/2022(1)

**PERATURAN-PERATURAN DAN
PERLEMBAGAAN KESATUAN
KEBANGSAAN PEMBANTU
PERAWATAN KESIHATAN
SEMENANJUNG MALAYSIA**

No. PENDAFTARAN 13

ISI KANDUNGAN		Muka Surat
Peraturan 1.	Nama dan Pejabat yang berdaftar	1.
Peraturan 2.	Tujuan	1 - 4
Peraturan 3.	Ahli Kesatuan	4 – 6
Peraturan 4.	Yuran dan Tunggakan	6 – 7
Peraturan 5.	Berhenti Menjadi Ahli	7
Peraturan 6.	Hak Ahli	7
Peraturan 7.	Kewajipan Ahli	7 – 8
Peraturan 8.	Perlembagaan dan Pentadbiran	8 – 9
Peraturan 9.	Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan	9 – 12
Peraturan 10.	Persidangan Perwakilan Luar Biasa	13 – 14
Peraturan 11.	Pegawai dan Kakitangan	14 – 16
Peraturan 12.	Majlis Jawatankuasa Tertinggi	16 – 23
Peraturan 13.	Kewajipan Pegawai-pegawai Kanan Kesatuan	23 – 25
Peraturan 14.	Pemegang Amanah	25 – 27
Peraturan 15.	Juru Audit Dalam	27
Peraturan 16.	Juru Audit Am	28
Peraturan 17.	Jemaah Pemeriksa Undi	28 – 29
Peraturan 18.	Gaji dan Bayaran-bayaran Lain	29 – 30

	ISI KANDUNGAN	Muka Surat
Peraturan 19.	Kewangan dan Kira-kira	30 – 36
Peraturan 20.	Pemeriksaan Buku-buku dan Kira-kira	36
Peraturan 21.	Yuran Khas (levy)	37
Peraturan 22.	Pertikaian Kerja	37 – 39
Peraturan 23.	Pekerjaan Pelajaran	39
Peraturan 24.	Peraturan dan Pemindaan Peraturan	40
Peraturan 25.	Undi Sulit	41 – 42
Peraturan 26.	Pertikaian	42 – 44
Peraturan 27.	Pembubaran	44
Peraturan 28.	Penubuhan dan Pembubaran Cawangan	45 47
Peraturan 29.	Jawatankuasa Cawangan	47 – 50
Peraturan 30.	Mesyuarat Agung Cawangan	51 – 54
Peraturan 31.	Pemeriksaan Undi Cawangan	54 – 55
Peraturan 32.	Wang dan Kira-kira Cawangan	55 – 56
Peraturan 33.	Juru Audit Dalam Cawangan	56 – 57

ISI KANDUNGAN	Muka Surat
<u>LEMBARAN ATURAN MENJALANKAN UNDI SULIT</u>	58 - 64
Kertas Undi Bagi Pegawai-pegawai Kanan dan Cara Mengundi	65 – 66
Kertas Undi Bagi Pilihan Pegawai-pegawai Cawangan, Wakil-wakil dan Cara Mengundi	67 - 68
Contoh Kertas Undi Sulit (Usul)	69
 <u>PERATURAN-PERATURAN TAMBAHAN TABUNG KEBAJIKAN</u>	
1. Nama	71
2. Tujuan	71 – 72
3. Ahli	72
4. Kewangan	72 – 73
5. Pentadbiran	73
6. Simpanan Bank	74
7. Rekod-Rekod	74 – 75
8. Penama	75
9. Kelayakan Mendapat Faedah	76
10. Pembayaran Faedah Kematian Ahli	76
11. Pembayaran Faedah Bersara Ahli-ahli.	77

ISI KANDUNGAN	Muka Surat
12. Pembayaran Faedah kepada ahli-ahli mendapat rawatan di dalam Wad Hospital	77 – 78
13. Bayaran Faedah saguhati kepada ahli-ahli yang berkahwin	78
14. Pembayaran faedah saguhati kepada anak-anak ahli yang cemerlang dalam pelajaran	79
15. Pembayaran faedah saguhati bersalin kepada ahli-ahli perempuan.	79 - 80
16. Audit	80
17. Perkara-perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Tambahan.	80
18. Perbelanjaan Pentadbiran	80 – 81
19. Penambahan dan Pindaan Peraturan Tambahan.	81
20. Pembubaran.	81

**PERATURAN-PERATURAN DAN PERLEMBAGAAN
KESATUAN KEBANGSAAN PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN
SEMENANJUNG MALAYSIA**

No. PENDAFTARAN 13

Peraturan 1. Nama dan Pejabat yang berdaftar

- (1) Adapun nama kesatuan sekerja yang telah ditubuhkan menurut peraturan-peraturan ini ialah **KESATUAN KEBANGSAAN PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN SEMENANJUNG MALAYSIA (KKPPKSM)** (yang disebut “Kesatuan” di dalam ini).
- (2) Pejabat Kesatuan ini yang didaftarkan dan tempat mesyuaratnya ialah di Bangunan Kesatuan, Lorong Raja Muda, Kuala Lumpur atau di mana-mana tempat lain yang ditetapkan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi.

Peraturan 2. Tujuan

- (1) Adapun tujuan-tujuan Kesatuan ini ialah :-
 - (a) Hendak mengadakan sebuah pertubuhan yang lengkap bagi semua pekerja-pekerja seperti yang ditentukan di bawah Peraturan 3(1) dan hendak memajukan kepentingan ahli-

ahlinya dalam hal perusahaan, kemasyarakatan dan pengetahuan.

- (b) Memperoleh dan mengekalkan bagi ahli-ahlinya sukatan gaji yang adil dan sesuai, keselamatan bekerja serta masa dan syarat-syarat bekerja yang berpatutan, dan juga memberi nasihat dan bantuan tentang hal-hal yang tersebut.
- (c) Mengatur perhubungan di antara majikan dengan pekerja, di antara ahli dengan ahli, dan di antara ahli dengan lain-lain pekerja, dan berikhtiar untuk menyelesaikan sebarang perselisihan di antara mereka itu dengan cara persahabatan dan bermuafakat.
- (d) Menolong jayakan, dengan wang atau lain-lainnya, kerja atau hasrat sesuatu pertubuhan atau badan yang halal yang mempunyai tujuan hendak memajukan kepentingan-kepentingan pekerja, kesatuan sekerja dan ahli-ahli kesatuan sekerja, menurut peruntukan-peruntukan Seksyen 50 Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959.
- (e) Memajukan kebajikan ahli-ahlinya dari segi kebendaan, kemasyarakatan dan pelajaran dengan jalan yang halal yang difikirkan munasabah oleh persidangan perwakilan atau Majlis Jawatankuasa Tertinggi.

- (f) Memberi bantuan guaman kepada ahli-ahli berkenaan dengan pekerjaan mereka itu jika di persetujukan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi.
- (g) Mengadakan bantuan-bantuan, jika dipersetujuikan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi seperti bayaran di masa teraniaya dan di masa pertikaian kerja.
- (h) Menganjurkan undang-undang untuk kebajikan ahli-ahli kesatuan ini khasnya dan ahli-ahli kesatuan sekerja amnya.
- (i) Menyelenggarakan, jika dipersetujuikan oleh persidangan perwakilan, pekerjaan mengarang, mencetak, menerbit dan memperedarkan sebarang surat khabar, majalah, kertas berita atau lain-lain penerbitan untuk menjayakan tujuan-tujuan Kesatuan ini atau untuk faedah ahli-ahlinya.
- (j) Mengadakan kumpulan wang kebajikan, jika dipersetujukan oleh persidangan perwakilan, dan menggubalkan peraturan-peraturan untuk mengawal kumpulan wang itu. Peraturan-peraturan itu tidak boleh dijalankan sebelum didaftarkan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja.
- (k) Amnya hendak membuat sebarang pekerjaan yang halal dibuat oleh sesebuah kesatuan sekerja di sisi undang-undang.

- (2) Tujuan-tujuan ini akan dilaksanakan menurut peraturan-peraturan ini dan peruntukan-peruntukan Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959.

Peraturan 3. Ahli Kesatuan

- (1) Keanggotaan kesatuan ini terbuka kepada semua Pembantu Perawatan Kesihatan (Attendant Kesihatan) yang bekerja di bawah Kementerian Kesihatan Malaysia kecuali mereka yang memegang jawatan pengurusan, eksekutif, sulit atau keselamatan. Mereka hendaklah berumur lebih dari 16 tahun dan mempunyai tempat kerjanya di Semenanjung Malaysia dengan syarat seseorang yang masih diberi pelajaran menurut Akta Pelajaran, 1961 tidak boleh menjadi ahli kecuali jika sekiranya iaitu :-
36/2/2010 (1)&(2)
- (a) sebenarnya pekerja menurut takrif Ordinan Kesatuan Sekerja, 1959; dan
- (b) berumur lebih dari 18 tahun.
- (2) Seseorang ahli Kesatuan yang belum sampai 18 tahun umurnya tidaklah berhak mengundi atas tiap-tiap perkara yang tersebut di bawah ini:-
- (a) mogok dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya;
- (b) mengenakan yuran khas (levy);

- (c) membubarkan kesatuan atau sebarang persekutuan yang Kesatuan ini menjadi anggotanya;
 - (d) pemindaan peraturan-peraturan Kesatuan jika pemindaan itu akan menyebabkan beratnya lagi tanggungan ahli untuk mencarum atau kurangnya faedah yang akan didapatinya.
- (3) Seseorang ahli yang belum sampai 21 tahun umurnya tidaklah boleh menjadi pegawai atau Pemegang Amanah Kesatuan.
- (4) Permohonan untuk menjadi ahli hendaklah dibuat dengan mengisi borang yang ditentukan oleh Kesatuan dan menyampaikan kepada Setiausaha Cawangan. Setiausaha Cawangan hendaklah menyampaikan permohonan itu kepada Majlis Jawatankuasa Tertinggi untuk diluluskan. Majlis Jawatankuasa Tertinggi menurut timbang bicaranya boleh menolak sebarang permohonan menjadi ahli dengan tidak payah memberi alasannya.
- (5) Apabila permohonan seseorang itu telah diluluskan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi, dan yuran masuk dan yuran bulananya yang pertama telah dijelaskannya, maka namanya akan didaftarkan dalam Daftar Ahli sebagai seorang ahli dan akan diberikan senaskah buku Peraturan-peraturan Kesatuan dengan percuma.
- (6) Seseorang yang diterima masuk menjadi ahli kemudian mencari dan memperoleh pekerjaan di dalam sebarang pekerjaan, perdagangan

atau perusahaan yang lain dari yang ditentukan dalam Peraturan 3(1) adalah terhenti dari menjadi ahli kesatuan dan namanya hendaklah dikeluarkan dari Daftar Ahli.

Peraturan 4. Yuran dan Tunggakan

- (1) Yuran Kesatuan adalah seperti berikut:-

Yuran Masuk	RM5.00
Yuran Keahlian Bulanan	RM3.00
Yuran Khas Bulanan	RM2.00
(Tabung Kebajikan Am)	

Sebarang kenaikan yuran hendaklah diputuskan dengan undi sulit menurut Peraturan 25.

- (2) Yuran bulanan hendaklah dijelaskan pada hari kerja yang pertama tiap-tiap bulan.
- (3) Seseorang ahli terhutang yurannya selama tiga bulan akan terhenti dari menjadi ahli Kesatuan dan akan hilanglah segala haknya di dalam Kesatuan dan namanya akan dipotong dari Daftar Ahli.
- (4) Seseorang yang terhenti dari menjadi ahli kerana tunggakan yuran boleh memohon menjadi ahli semula menurut Peraturan 3.

- (5) Majlis Jawatankuasa Tertinggi berkuasa menetapkan bayaran yuran bulanan yang kurang atau melepaskan buat sementara bayaran yuran bulanan atau yuran khas (jika ada) bagi ahli-ahli yang berhenti kerja, sakit atau ditimpa kesusahan lain yang sebenar.

Peraturan 5. Berhenti Menjadi Ahli

Ahli yang hendak berhenti dari Kesatuan hendaklah memberi notis sekurang-kurangnya seminggu dengan bersurat kepada Setiausaha Cawangan dan hendaklah menjelaskan segala yuran dan hutangnya.

Peraturan 6. Hak Ahli

Sekalian ahli Kesatuan mempunyai hak yang sama di dalam Kesatuan ini kecuali dalam perkara-perkara tertentu yang dinyatakan di dalam Peraturan-peraturan ini.

Peraturan 7. Kewajipan Ahli

- (1) Adalah menjadi kewajipan tiap-tiap ahli menjelaskan yurannya dengan tetap dan mendapatkan resit bagi pembayarannya itu. Membayar yuran dengan menepati masanya adalah menjadi tanggungjawab ahli dan bukanlah tanggungjawab pegawai-pegawai Kesatuan.

- (2) Adalah menjadi kewajipan ahli memberitahu Setiausaha Cawangan dengan segera apabila pindah atau bertukar tempat kerja.
- (3) Seseorang ahli yang menghadiri Mesyuarat Kesatuan atau menggunakan rumah Kesatuan hendaklah berkelakuan baik, jika tidak ia akan disuruh keluar oleh salah seorang pegawai Kesatuan yang bertanggungjawab.
- (4) Tidak boleh seseorang ahli menerbitkan sebarang surat keterangan atau surat perkelilingan mengenai Kesatuan melainkan jika surat keterangan atau perkelilingan itu telah diluluskan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi, dan tidak boleh seseorang ahli mengumumkan kerja atau perkara Kesatuan kepada orang yang bukan ahli atau kepada lain-lain pertubuhan atau surat-surat khabar dengan tiada mendapat kebenaran yang tersebut.
- (5) Seseorang ahli Kesatuan tidak dibenarkan menjadi ahli sebarang kesatuan sekerja yang lain kecuali dengan kebenaran Majlis Jawatankuasa Tertinggi.

Peraturan 8. Perlembagaan dan Pentadbiran

- (1) Kuasa yang tertinggi sekali di dalam Kesatuan dan cawangan-cawangan Kesatuan ini terserah masing-masingnya kepada persidangan perwakilan dan mesyuarat agung tiga tahunan cawangan, melainkan kuasa mengenai perkara-perkara yang wajib

diambil undi sulit menurut Peraturan 25.

- (2) Maka dengan syarat yang tersebut di atas itu Kesatuan ini hendaklah ditadbirkan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi dan cawangan-cawangan oleh Jawatankuasa Cawangan.

Peraturan 9. Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan

- (1) Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan Kesatuan ini hendaklah diadakan dengan seberapa cepat selepas 30hb Jun dan tidak lewat dari 30hb September tiap-tiap tiga tahun sekali. Tarikh, masa dan tempat persidangan itu hendaklah ditetapkan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi.
- (2) Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan itu hendaklah terdiri dari wakil-wakil yang dipilih oleh cawangan-cawangan dan ahli-ahli Majlis Jawatankuasa Tertinggi.
- (3) Wakil-wakil itu hendaklah dipilih tiap-tiap tiga tahun sekali dengan undi sulit oleh cawangan masing-masing di dalam Mesyuarat Agung tiga tahunannya. Tiap-tiap cawangan hendaklah memilih seorang wakil bagi 50 orang yang pertama. Dan seorang wakil bagi tiap-tiap 50 orang yang berikutnya. Tiap-tiap satu cawangan berhak menghantar tidak lebih dari 10 orang wakil sahaja.

- (4) Ahli-ahli Majlis Jawatankuasa Tertinggi tidak boleh dipilih menjadi wakil.
- (5) Hanya wakil-wakil sahaja yang boleh mengundi di dalam persidangan perwakilan. Pengerusi Persidangan Perwakilan boleh memberi undian pemutus apabila undi terbahagi sama banyak. Persidangan itu boleh mengadakan Aturan Tetap (Standing Orders) untuk mengawal perjalanan mesyuarat bagi semua persidangan perwakilan dan cara-cara mengundi dalam persidangan-persidangan itu.
- (6) Notis permulaan bagi Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan yang menyatakan tarikh, masa dan tempat mesyuarat dan meminta usul-usul untuk dibincangkan di dalam persidangan itu (termasuk usul pemindaan Peraturan), nama-nama calon anggota Majlis Jawatankuasa Tertinggi dan nama-nama wakil, hendaklah dihantar oleh Setiausaha Agung kepada semua Setiausaha Cawangan sekurang-kurangnya 28 hari sebelum tarikh persidangan.
- (7) Tiap-tiap Setiausaha Cawangan hendaklah menghantar kepada Setiausaha Agung sekurang-kurangnya 15 hari sebelum persidangan perwakilan nama-nama wakil yang dipilih oleh cawangan masing-masing, nama-nama calon Pegawai-pegawai Kanan Majlis Jawatankuasa Tertinggi dan juga usul-usul (jika ada) untuk dibincangkan di dalam persidangan. Semua calon-calon hendaklah dibuat di atas borang yang disediakan oleh kesatuan dan

mengandungi perkara-perkara yang berikut: nama jawatan yang ditandingi, nama calon, Nombor Kad Pengenalan, umur, alamat, pekerjaan dan Nombor Sijil Kerakyatannya dan lama masa ia bekerja dalam pekerjaan, perdagangan atau perusahaan seperti yang ditentukan di bawah Peraturan 3(1). Tidaklah sah sesuatu calonan itu dikecuali (a) ia ditandatangani oleh seorang pencadang dan seorang penyokong yang merupakan ahli-ahli berhak (b) ia mengandungi izin calon yang hendak bertanding itu secara dinyatakan.

- (8) Setiausaha Agung hendaklah menghantar kepada semua Setiausaha Cawangan sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh persidangan suatu agenda yang mengandungi usul-usul untuk perbincangan, penyata tahunan dan penyata kewangan (jika ada), dan kertas-kertas undi sulit dengan secukupnya menurut Peraturan 25 untuk pilihan anggota Majlis Jawatankuasa Tertinggi dan untuk mengundi perkara-perkara yang akan diputuskan dengan undi sulit. Setiausaha Cawangan hendaklah mengedarkan kertas-kertas undi itu dengan sampulnya kepada ahli-ahli cawangan masing-masing yang berhak mengundi.
- (9) Cukup korum mesyuarat jika wakil-wakil yang hadir, dengan tidak kira bilangan orangnya, mewakili lebih daripada setengah dari jumlah bilangan cawangan-cawangan kesatuan.

- (10) Jika satu jam kemudian dari masa yang ditentukan itu bilangan wakil yang hadir (atau korum) tidak mencukupi maka persidangan itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh (tidak lewat dari 42 hari kemudian) yang akan ditetapkan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi.
- (11) Dalam persidangan yang ditangguhkan itu jika tidak juga didapati korumnya pada masa yang ditentukan maka ahli-ahli yang hadir berkuasa menjalankan mesyuarat akan tetapi tidak berkuasa meminda peraturan-peraturan Kesatuan.
- (12) Pekerjaan persidangan perwakilan tiga tahunan ialah menerima penyata-penyata daripada Setiausaha Agung, Bendahari Agung dan Majlis Jawatankuasa Tertinggi menimbang dan memutuskan semua perkara mengenai kebijakan ahli dan kemajuan Kesatuan; melantik Pemegang Amanah bila mustahak, Juru Audit Dalam, dan Pemeriksa Undi; menimbang dan memutuskan perkara-perkara lain yang terkandung di dalam agenda, dan menerima penyata Pemeriksa Undi berkenaan dengan undi sulit bagi pilihan anggota Majlis Jawatankuasa Tertinggi.
- (13) Setiausaha Agung hendaklah menyampaikan kepada semua Setiausaha cawangan satu salinan rangka minit persidangan perwakilan tiga tahunan dengan segeranya sesudah sahaja selesai persidangan itu.

Peraturan 10. Persidangan Perwakilan Luarbiasa

- (1) Persidangan perwakilan luarbiasa akan diadakan:-
 - (a) apabila sahaja difikirkan mustahak oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi; atau
 - (b) dengan permintaan bersama yang bertulis dari dua buah Jawatan Kuasa Cawangan atau lebih, yang mewakili sekurang-kurangnya satu perempat dari jumlah ahli-ahli Kesatuan, dengan menyatakan tujuan dan sebab mengadakan persidangan itu.
- (2) Persidangan perwakilan luarbiasa yang diminta oleh cawangan itu hendaklah diadakan dalam tempoh 30 hari dari tarikh permintaan itu diterima.
- (3) Notis dan agenda bagi persidangan perwakilan luarbiasa hendaklah disampaikan oleh Setiausaha Agung kepada semua Setiausaha Cawangan sekurang-kurangnya 7 hari sebelum tarikh persidangan.
- (4) Peruntukan-peruntukan Peraturan 9 berkenaan dengan ahli-ahli persidangan, korum dan penangguhan persidangan perwakilan tiga tahunan adalah juga terpakai bagi persidangan perwakilan luarbiasa. Akan tetapi dalam persidangan perwakilan luarbiasa yang diminta oleh cawangan, jika persidangan itu ditangguhkan kerana korum tidak cukup maka dalam persidangan yang diadakan sesudah ditangguhkan itu jika satu jam kemudian dari masa yang ditentukan korumnya tidak juga cukup persidangan itu akan dibatalkan. Maka

tidaklah boleh diadakan persidangan untuk perkara itu juga sehingga selepas enam bulan dari tarikh persidangan itu dibatalkan.

- (5) Setiausaha Agung hendaklah menyampaikan kepada semua Setiausaha cawangan satu salinan rangka minit persidangan perwakilan luarbiasa sebaik sahaja selesai persidangan itu.
- (6) Jika sesuatu persidangan perwakilan tiga tahunan itu tidak dapat diadakan dalam masa yang ditentukan di bawah Peraturan 9, maka berkuasalah persidangan perwakilan luarbiasa menjalankan tugas-tugas yang biasanya dijalankan oleh persidangan perwakilan tiga tahunan dengan syarat persidangan perwakilan luarbiasa yang demikian mestilah diadakan sebelum 31hb. Disember dalam tahun yang berkenaan.

Peraturan 11. Pegawai dan Kakitangan

- (1) Erti pegawai dalam Kesatuan ini ialah seseorang yang menjadi ahli Majlis Jawatankuasa Tertinggi atau ahli jawatankuasa cawangan Kesatuan tetapi tidaklah termasuk Juru Audit.
- (2) Tidaklah boleh seseorang itu dilantik atau bertugas sebagai pegawai Kesatuan jika orang itu:-
 - (a) Bukan ahli Kesatuan; atau
 - (b) Belum sampai 21 tahun umurnya; atau

- (c) bukan warganegara Persekutuan; atau
- (d) belum bekerja atau membuat pekerjaan seperti yang ditentukan di bawah Peraturan 3(1) selama sekurang-kurangnya tiga tahun; atau
- (e) pernah menjadi pengelola (executive atau pegawai) mana-mana satu kesatuan yang pendaftarannya telah dibatalkan dengan kuasa Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 Seksyen 15 Seksyen Kecil (1)(b) Ceraian (iv) atau Ceraian (vi); atau di bawah sebarang Undang-undang yang telah dirombak oleh Ordinan itu; atau
- (f) pernah dihukum salah oleh mahkamah kerana pecah amanah, pemerasan atau mengugut, atau kerana melakukan sebarang kesalahan lain yang mengikut pendapat Pendaftar Kesatuan Sekerja tidak melayakkannya menjadi pegawai sesebuah kesatuan sekerja; atau
- (g) seseorang pegawai atau pekerja sesebuah parti politik
- (h) untuk menjadi Pegawai Kanan Ibu Pejabat, seseorang ahli itu perlu terlebih dahulu menjadi Ahli Jawatankuasa Cawangan tidak kurang dari tiga (3) tahun dan menjadi Majlis Jawatankuasa Tertinggi sekurangnya tiga (3) tahun. 36/1/2022(1)

- (3) Tertakluk kepada pengesahan persidangan perwakilan, Majlis Jawatankuasa Tertinggi berkuasa menggaji orang-orang yang difikirkannya perlu; Dengan syarat seseorang pekerja kesatuan itu tidak boleh menjadi pegawai kesatuan (melainkan ia dikecualikan di bawah peruntukan seksyen 30 Ordinan Kesatuan Sekerja 1959) atau bertugas dengan demikian rupa hingga urusan hal ehwal kesatuan itu nampaknya terserah ditangannya. Dan syaratnya pula selanjutnya bahawa seseorang itu tidak boleh digaji demikian itu jika:-
- (a) ia bukan warganegara Persekutuan; atau
 - (b) ia telah disahkan oleh sesebuah Mahkamah melakukan sesuatu kesalahan jenayah dan belum lagi mendapat pengampunan bagi kesalahan tersebut dan kesalahan itu mengikut pendapat Pendaftar Kesatuan Sekerja tidak melayakkannya digaji oleh sesebuah kesatuan sekerja; atau
 - (c) ia adalah seorang pegawai atau pekerja sesebuah kesatuan sekerja yang lain; atau
 - (d) ia adalah seorang pegawai atau pekerja sesebuah parti politik

Peraturan 12. Majlis Jawatankuasa Tertinggi

- (1) Majlis Jawatankuasa Tertinggi adalah menjadi badan yang menjalankan pentadbiran dan menguruskan hal ehwal Kesatuan, termasuk hal pertikaian kerja, dalam masa di antara tiga persidangan perwakilan tiga tahunan

(1) Majlis Jawatankuasa Tertinggi ini mengandungi:-

Seorang Presiden
Seorang Naib Presiden
Seorang Setiausaha Agung
Seorang Penolong Setiausaha Agung
Seorang Bendahari Agung



Yang akan dinamakan “Pegawai-pegawai Kanan Kesatuan” dan yang dipilih tiap-tiap tiga tahun sekali dengan undi sulit oleh seluruh ahli Perwakilan melainkan jika dibuat mengikut syarat yang tersebut di bawah ini.

Dan

Seseorang ahli Jawatankuasa Tertinggi yang dipilih dari tiap-riap cawangan menurut susunan taraf yang berikut; Pengurus Cawangan, Setiausaha Cawangan, Bendahari Cawangan, Ahli-ahli Jawatankuasa cawangan menurut bilangan undi yang diterima oleh mereka pada masa pemilihan yang lalu. Seseorang Ahli Jawatankuasa Tertinggi yang dipilih untuk jawatan “Pegawai-pegawai Kanan Kesatuan” ini tidak dibenarkan memegang jawatan Ahli Majlis Jawatankuasa Tertinggi.

36/2/2010 (1)&(2)

Sekiranya seseorang calon untuk jawatan itu tidak berlawan dan pencalonannya telah dilaksanakan menurut cara-cara yang ditentukan di dalam Peraturan 9(7) maka ia hendaklah dianggap dengan serta merta telah dipilih dan namanya hendaklah diasingkan dari kertas undi untuk pemilihan pegawai-pegawai. Dan disyaratkan pula selanjutnya bahawa Majlis Jawatankuasa Tertinggi yang pertama hendaklah dipilih dengan undi sulit dalam masa enam bulan setelah kesatuan didaftarkan, dan sehingga

pemilihan itu dijalankan Majlis Jawatankuasa Penaja yang dibentuk waktu penubuhan kesatuan hendaklah menguruskan hal ehwal kesatuan. Ahli-ahli Majlis Jawatankuasa Tertinggi hendaklah memegang jawatan dari satu Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan ke satu Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan yang lain. Dengan syarat sekiranya pada satu persidangan perwakilan luar biasa suatu usul “tidak percaya” terhadap Majlis Jawatankuasa Tertinggi telah diluluskan oleh dua pertiga suara teramai, maka Majlis Jawatankuasa Tertinggi hendaklah dengan serta merta bertugas atas dasar pengurus sementara dan dalam tempoh sebulan setelah persidangan perwakilan luarbiasa itu, ia hendaklah mengadakan pemilihan semula pegawai-pegawai dilaksanakan dengan undi sulit, pegawai-pegawai yang dipilih dengan cara ini hendaklah memegang jawatan sehingga persidangan tahunan yang akan datang. Apabila sahaja berlaku pertukaran pegawai-pegawai, di dalam masa seminggu pegawai-pegawai atau Majlis Jawatankuasa Tertinggi yang bakal meninggalkan jawatan hendaklah menyerahkan kepada pegawai-pegawai atau Majlis Jawatankuasa Tertinggi yang bakal memegang jawatan segala keterangan-keterangan berhubung dengan jawatannya.

- (2) Majlis Jawatankuasa Tertinggi hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga bulan sekali, dan cukup korum mesyuarat apabila hadir setengah dari jumlah bilangan ahlinya. Minit-minit mesyuarat Majlis Jawatankuasa Tertinggi hendaklah disahkan di dalam mesyuarat-mesyuarat biasanya.

- (3) Mesyuarat Majlis Jawatankuasa Tertinggi hendaklah diadakan oleh Setiausaha Agung dengan arahan atau persetujuan Presiden. Pengumuman mengenai mesyuarat hendaklah diberikan selama tujuh hari sepenuhnya terlebih dahulu. Permohonan dari ahli-ahli Majlis Jawatankuasa Tertinggi yang lain supaya diadakan mesyuarat Majlis Jawatankuasa Tertinggi hendaklah dibuat dengan bersurat dan dihantarkan kepada Setiausaha Agung.
- (4) Apabila berlaku sesuatu perkara yang berkehendakkan keputusan Majlis Jawatankuasa Tertinggi dengan serta merta dan tidak pula dapat diadakan mesyuarat tergempar Majlis Jawatankuasa Tertinggi atau Persidangan Perwakilan maka bolehlah Setiausaha Agung, dengan persetujuan Presiden, mendapatkan keputusan dengan jalan surat perkelilingan. Syarat-syarat yang tersebut di bawah ini hendaklah disempurnakan sebelum perkara itu boleh dianggap sebagai telah diputuskan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi atau wakil :-
 - (a) Perkara dan tindakan yang dicadangkan itu hendaklah dinyatakan dengan jelas dan salinan surat perkelilingan itu disampaikan kepada semua Ahli Majlis Jawatankuasa Tertinggi atau perwakilan sebagaimana diperlu;
 - (b) Sekurang-kurangnya setengah dari jumlah bilangan ahli Majlis Jawatankuasa Tertinggi hendaklah menyatakan secara bertulis sama ada mereka bersetuju atau tidak dengan

cadangan yang tersebut itu; dan

- (c) Suara yang terbanyak dari mereka yang menyatakan pendapatnya adalah menjadi keputusan.
- (5) Keputusan yang didapati dengan syarat surat pekeliling itu hendaklah dinyatakan oleh Setiausaha Agung di dalam mesyuarat Majlis Jawatankuasa Tertinggi atau Persidangan Perwakilan yang akan datang dan dituliskannya di dalam minit mesyuarat itu.
- (6) Ahli Majlis Jawatankuasa Tertinggi yang tidak menghadiri tiga kali mesyuarat berturut-turut tidak lagi berhak menyandang jawatannya melainkan jika dapat ia memberi alasan yang memuaskan kepada Majlis Jawatankuasa Tertinggi.
- (7) Apabila mati, berhenti atau terlucut hak seseorang pegawai, seorang wakil, seorang Juruaudit Dalam atau seorang pemeriksa undi, maka calon yang mendapat undi yang terkebawah sedikit bagi jawatan itu dalam masa undian yang lalu hendaklah dijemput untuk memenuhi tempat yang kosong itu. Sekiranya calon itu tidak ada atau ia enggan menerima jawatan itu, Majlis Jawatankuasa Tertinggi atau Jawatankuasa cawangan, yang mana terlibat, berkuasa melantik seorang ahli lain yang layak untuk memenuhi tempat yang kosong itu.

- (8) Dengan menurut Peraturan-peraturan Kesatuan ini dan syarat-syarat yang terkandung di dalam Ordinan Kesatuan Sekerja 1959, maka Majlis Jawatankuasa Tertinggi boleh menggunakan sebarang kuasa dan menjalankan sebarang kerja yang difikirkan mustahak bagi mencapai tujuan-tujuan kesatuan dan untuk memajukan kepentingannya.
- (9) Majlis Jawatankuasa Tertinggi hendaklah mengawal wang-wang Kesatuan supaya tidak dibelanjakan dengan boros atau ditipu. Maka dengan perintahnya Setiausaha Agung atau pegawai-pegawai yang lain akan mendakwa dimahkamah seseorang pegawai, kakitangan ataupun ahli kesatuan kerana menipu atau mengambil wang atau harta kepunyaan Kesatuan.
- (10) Majlis Jawatankuasa Tertinggi akan mengarah Setiausaha Agung atau pegawai-pegawai yang lain supaya menguruskan kerja-kerja Kesatuan. Maka dengan menurut syarat-syarat yang terkandung dalam Peraturan 11 ceraian 3 bolehlah Majlis Jawatankuasa Tertinggi mengambil kerja dan menetapkan gaji orang-orang yang difikirkan mustahak untuk menjalankan kerja pentadbiran Kesatuan dari hari ke hari. Pegawai-pegawai atau kakitangan Kesatuan boleh digantung kerja atau diberhentikan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi kerana kelalaian, tidak amanah, tidak layak atau enggan menjalankan keputusan-keputusannya atau kerana sebab-sebab lain yang difikirkan munasabah dan cukup, untuk keselamatan Kesatuan.

- (11) Majlis Jawatankuasa Tertinggi hendaklah memberi perintah kepada Pemegang-pemegang Amanah berkenaan dengan pelaburan wang Kesatuan.
- (12) Majlis Jawatankuasa Tertinggi boleh menggantung faedah atau memecat dari keahlian atau melarang dari memegang jawatan seseorang ahli yang pada pendapatnya bersalah kerana mencuba hendak merosakkan Kesatuan atau melakukan perbuatan yang melanggar Peraturan-peraturan Kesatuan atau membuat atau dalam sebarang jalan mempersekuatkan dirinya dengan sebarang perbuatan mencela, mengeji atau mencerca Kesatuan, pegawai- pegawai atau dasar Kesatuan. Perintah penggantungan, pemecatan atau larangan itu hendaklah menyatakan dengan jelasnya bentuk dan alasan-alasan bagi penggantungan, pemecatan atau larangan tersebut. Perintah itu juga hendaklah menyatakan, di mana yang ada kena dengannya, tempoh ianya berkuatkuasa dan syarat-syarat yang membolehkan ia ditarik balik. Ahli-ahli yang telah digantung faedahnya, dipecat atau dilarang demikian itu bagaimanapun, adalah berhak untuk merayu kepada Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan dan keputusan Persidangan Tiga Tahunan baginya itu adalah muktamad.
- (13) Dalam masa diantara tiga persidangan perwakilan tiga tahunan Majlis Jawatankuasa Tertinggi hendaklah mentafsirkan Peraturan-peraturan Kesatuan dan apabila perlu hendaklah memutuskan

perkara-perkara yang tidak tersebut di dalam Peraturan-peraturan ini.

- (14) Kecuali keputusan-keputusan yang berkehendakkan undi sulit maka keputusan-keputusan Majlis Jawatankuasa Tertinggi hendaklah ditaati oleh sekalian ahli Kesatuan melainkan dan sehingga dibatalkan oleh suatu ketetapan yang dibuat di dalam persidangan perwakilan.

Peraturan 13. Kewajipan Pegawai-pegawai Kanan Kesatuan

- (1) Presiden dalam masa menyandang jawatannya hendaklah menjadi pengurusi semua persidangan perwakilan dan semua mesyuarat Majlis Jawatankuasa Tertinggi dan akan bertanggungjawab tentang ketenteraman dan kesempurnaan mesyuarat-mesyuarat itu. Ia mempunyai undian pemutus dan akan menandatangani minit tiap-tiap mesyuarat apabila minit mesyuarat itu disahkan. Ia hendaklah menandatangani segala cek bagi pihak Kesatuan bersama-sama dengan Setiausaha Agung dan Bendahari Agung, mengawasi pentadbiran dan perjalanan Kesatuan dan berikhtiar supaya Peraturan-peraturan ini dipatuhi oleh sekalian yang berkenaan.
- (2) Naib Presiden hendaklah mengganti Presiden dan memegang kuasanya di masa ia tidak hadir.

- (3) Setiausaha Agung hendaklah mengelolakan kerja-kerja Kesatuan mengikut Peraturan-peraturan ini dan menjalankan perintah-perintah persidangan perwakilan dan Majlis Jawatankuasa Tertinggi. Ia hendaklah mengawasi kerja-kerja kakitangan Kesatuan dan bertanggungjawab tentang surat menyurat, menyimpan buku-buku, surat-surat keterangan dan kertas-kertas kepunyaan jabatannya dengan cara dan aturan yang diarahkan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi. Ia hendaklah menghadiri semua mesyuarat dan menulis minit-minit mesyuarat itu dan menyediakan atau berikhtiar supaya disediakan Penyata-penyata tahunan dan lain-lain surat keterangan yang dikehendaki oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja dan menghantarnya kepada pendaftar dalam masa yang ditentukan. Ia hendaklah menyimpan suatu daftar ahli yang mengandungi nama-nama semua ahli, alamat mereka itu, nombor ahli dan tarikh mereka itu menjadi ahli Kesatuan. Ia hendaklah menandatangani segala cek bagi pihak Kesatuan bersama-sama dengan Presiden dan Bendahari Agung.
- (4) Penolong Setiausaha Agung hendaklah membantu Setiausaha Agung dalam urusan pentadbiran Kesatuan dan mengantinya pada masa ia tidak hadir.
- (5) Bendahari Agung adalah bertanggungjawab tentang menerima dan membayar wang bagi pihak Kesatuan dan tentang menyimpan dan

menulis buku-buku kewangan sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan-peraturan Kesatuan Sekerja 1959. Ia hendaklah mengeluarkan resit rasmi bagi tiap-tiap wang yang diterimanya. Maka tidaklah boleh pegawai-pegawai lain atau kakitangan Kesatuan di lbupejabat menerima wang atau mengeluarkan resit jika tidak dengan kuasa yang diberikan secara bersurat oleh Presiden pada tiap-tiap kali dikehendaki mereka itu membuat demikian.

Bendahari Agung adalah juga bertanggungjawab tentang keselamatan simpanan buku-buku kewangan dan surat-surat keterangan yang berkenaan di lbupejabat. Buku-buku dan surat- surat keterangan ini tidak boleh dikeluarkan dari tempat rasminya tanpa kebenaran yang bertulis daripada Presiden pada tiap-tiap kali ia hendak dikeluarkan. Ia hendaklah menyediakan penyata kewangan bagi tiap-tiap mesyuarat Majlis Jawatankuasa Tertinggi dan bagi persidangan perwakilan tiga tahunan. Ia hendaklah menandatangani segala cek bagi pihak Kesatuan bersama-sama dengan Presiden dan Setiausaha Agung.

Peraturan 14. Pemegang Amanah

- (1) Tiga orang Pemegang Amanah yang mestilah umurnya sekurang-kurang 21 tahun dan bukan menjadi Setiausaha atau Bendahari Kesatuan, hendaklah dilantik di dalam sesuatu Persidangan

Perwakilan Tiga Tahunan Kesatuan dan mereka itu menyandang jawatan itu selama yang disukai oleh Kesatuan. Sebarang harta '*real and personal estate*' atau kepunyaan Kesatuan hendaklah terserah kepada mereka itu untuk diuruskan sebagaimana yang diarahkan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi.

- (2) Pemegang Amanah tidak boleh menjual, menarik balik atau memindah milik sebarang harta Kesatuan tanpa persetujuan dan kuasa Majlis Jawatankuasa Tertinggi yang diberi dengan bertulis oleh Setiausaha Agung dan Bendahari Agung.
- (3) Seseorang Pemegang Amanah boleh dilucutkan jawatannya oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi kerana tidak sihat, tidak sempurna fikiran, tidak berada dalam negeri atau kerana sebarang sebab lain yang menyebabkan ia tidak boleh menjalankan tugasnya atau tidak dapat menyempurnakan tugasnya dengan memuaskan hati. Jika seseorang Pemegang Amanah itu mati, berhenti atau diberhentikan sebelum Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan, maka tempatnya itu hendaklah dipenuhkan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi.
- (4) Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan boleh melantik sebuah syarikat pemegang amanah sebagaimana yang ditakrifkan di dalam Undang-undang Syarikat Amanah 1949 (Trust Companies Ordinance, 1949) atau Undang-undang lain yang bertulis yang mengawal syarikat-syarikat pemegang amanah di Semenanjung Malaysia untuk menjadi pemegang amanah yang tunggal bagi Kesatuan itu; Jika syarikat Pemegang Amanah seperti yang tersebut

itu dilantik maka perkataan “pemegang amanah” di dalam Peraturan ini hendaklah difahamkan bererti syarikat pemegang amanah itu.

Peraturan 15. Juru Audit Dalam

- (1) Dua orang Juru Audit Dalam yang bukan menjadi ahli Majlis Jawatankuasa Tertinggi hendaklah dilantik secara angkat tangan dalam persidangan perwakilan tiga tahunan. Mereka itu hendaklah memeriksa kira-kira kesatuan pada penghujung tiap-tiap tiga bulan dan menyampaikan penyatanya kepada Setiausaha Agung yang akan menghantar satu salinan penyata itu kepada tiap-tiap ahli Majlis Jawatankuasa Tertinggi kesatuan dalam masa empat belas hari setelah diterimanya.
- (2) Buku-buku dan kira-kira Kesatuan hendaklah diaudit oleh kedua-dua Juru Audit itu bersama-sama dan mereka itu berhak melihat semua buku-buku dan surat-surat keterangan yang mustahak untuk menyempurnakan tugasnya.
- (3) Seseorang ahli kesatuan bolehlah mengadu dengan bersurat kepada Juru Audit Dalam mengenai sebarang hal kewangan yang tidak betul, yang telah sampai kepada pengetahuannya.

Peraturan 16. Juru Audit Am

- (1) Kira-kira Kesatuan hendaklah diaudit oleh seorang Akauntan yang bertauliah atau orang-orang lain yang berkebolehan dan layak yang dipersetujukan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja dan kira-kira itu hendaklah diakui betul dengan surat sumpah (statutory declaration). Pemeriksaan kira-kira itu hendaklah dimulakan selepas sahaja ditutup tahun kewangan Kesatuan pada 31hb Mac dan hendaklah selesai sebelum 31hb Mei. Juru Audit itu berhak melihat semua buku-buku dan surat-surat keterangan yang mustahak untuk menyempurnakan tugasnya.
- (2) Penyata Juru Audit itu hendaklah dibentangkan di dalam Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan dan satu salinannya hendaklah dikirimkan kepada tiap-tiap seorang ahli sebelum Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan.

Peraturan 17. Jemaah Pemeriksa Undi

Suatu jemaah Pemeriksa Undi yang terdiri dari sepuluh orang dan bukan merupakan pegawai yang berkhidmat atau calon-calon bagi jawatan pegawai-pegawai kesatuan dan yang tinggal berdekatan dengan Ibupejabat Kesatuan hendaklah dilantik secara angkat tangan di dalam sesuatu Persidangan Perwakilan Kesatuan untuk mengesahkan penyata-penyesuaian undi sulit yang dibuat oleh Ahli Perwakilan dan menyampaikan kepada Majlis Jawatankuasa Tertinggi suatu penyata bertandatangan

mengenai keputusan muktamad undian itu dalam borang-borang yang ditentukan di bawah Peraturan-peraturan Kesatuan Sekerja, 1959.

Peraturan 18. Gaji dan Bayaran-bayaran Lain

- (1) Gaji orang-orang yang bekerja sepenuh masa dengan Kesatuan hendaklah ditetapkan oleh Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan apabila mustahak ataupun oleh Mesyuarat Agung Tiga Tahunan cawangan yang mana berkenaan.
- (2) Pegawai-pegawai Kesatuan yang dikehendaki berkhidmat secara sambilan bagi pihak Kesatuan bolehlah diberikan bayaran saguhati. Banyaknya wang yang akan dibayar hendaklah diputuskan oleh Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan atau oleh Mesyuarat Agung Tiga Tahunan cawangan, yang mana berkenaan.
- (3) Pegawai-pegawai dan wakil-wakil Kesatuan bolehlah diberi bayaran kerana hilang masa kerjanya dan kerana telah membuat perbelanjaan yang berpatutan bagi menjalankan kerja-kerja Kesatuan jika diluluskan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi atau Jawatankuasa Cawangan. Suatu keterangan perbelanjaan yang beralaskan resit atau lain-lain keterangan pembayaran sedapat yang boleh hendaklah dihantar kepada Majlis Jawatankuasa Tertinggi atau Jawatankuasa Cawangan. Had terbanyak yang boleh dibayar di bawah perenggan ini hendaklah ditentukan dari masa ke semasa

oleh persidangan perwakilan atau mesyuarat agung cawangan dan Majlis Jawatankuasa Tertinggi atau Jawatankuasa Cawangan tidak boleh mengesahkan sebarang bayaran yang melebihi had yang telah ditentukan itu.

Peraturan 19. Kewangan dan Kira-Kira

- (1) Wang-wang Kesatuan bolehlah dibelanjakan kerana perkara-perkara yang tersebut di bawah ini:-
 - (a) Bayaran gaji, bayaran elauan dan perbelanjaan, kepada pegawai-pegawai dan pekerja-pekerja Kesatuan.
 - (b) Bayaran dan perbelanjaan pentadbiran Kesatuan termasuk bayaran audit Kira-kira Kesatuan.
 - (c) Mengambil tindakan mahkamah mendakwa atau membela sesuatu hal berhubung dengan Kesatuan atau seseorang ahli Kesatuan dengan tujuan hendak memperolehi atau mempertahankan hak Kesatuan atau sebarang hak yang terbit dari perhubungan di antara seseorang ahli dengan majikannya.
 - (d) Menguruskan hal pertikaian kerja bagi pihak Kesatuan atau bagi pihak ahli-ahli dan membantu sebarang Kesatuan yang lain atau ahli-ahli Kesatuan itu dalam hal pertikaian kerja.

- (e) Bayaran saguhati kepada ahli atau tanggungannya di masa kematiannya, atau kerana persaraan wajib ahli itu.
- (f) Bayaran yuran gabungan kepada persekutuan kesatuan sekerja, majlis kesatuan sekerja dan badan penasihat atau perhubungan kesatuan-kesatuan sekerja yang didaftarkan di bawah Undang-undang yang bertulis di Semenanjung Malaysia dan bayaran kepada persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan yang ditubuhkan di luar Semenanjung Malaysia yang diluluskan oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dari masa ke semasa.
- (g) Bayaran-bayaran yang tersebut di bawah :-
 - (i) Tambang-tambang keretapi, sewa kereta yang mustahak, perbelanjaan makan dan tempat tidur dengan beralaskan resit atau sebanyak yang telah ditentukan oleh Kesatuan.
 - (ii) Bayaran ganti gaji yang hilang kerana menghadiri mesyuarat-mesyuarat mengenai atau berhubung dengan hal perhubungan perusahaan yang dihadiri sebagai wakil Kesatuan.
 - (iii) Perbelanjaan kerana mengadakan atau mengekalkan badan-badan penasihat atau perhubungan kesatuan sekerja.

- (h) Mengarang, mencetak, menerbit dan mengedarkan sebarang surat khabar, majalah, kertas berita atau lain-lain penerbitan yang dikeluarkan oleh Kesatuan untuk menjayakan tujuan-tujuannya atau untuk faedah ahli-ahlinya menurut peraturan-peraturan yang telah didaftarkan.
 - (i) Bayaran yuran gabungan kepada persatuan-persatuan kebudayaan dan pelajaran yang berdaftar di bawah Undang-undang yang tertulis di Semenanjung Malaysia dan kepada persatuan-persatuan atau pertubuhan-pertubuhan di luar Semenanjung Malaysia yang diluluskan oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dari semasa ke semasa.
 - (j) Mengadakan aktiviti-aktiviti sosial, sukan, pelajaran dan amal kebajikan bagi ahli-ahli Kesatuan.
 - (k) Mendirikan rumah untuk urusan Kesatuan.
- (2) Wang-wang Kesatuan tidak boleh digunakan secara langsung atau sebaliknya untuk membayar denda atau hukuman yang dikenakan oleh mahkamah kepada sesiapa pun.
- (3) Wang-wang Kesatuan yang tidak dikehendaki untuk perbelanjaan biasa yang telah diluluskan hendaklah dimasukkan ke dalam bank yang diluluskan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi oleh Bendahari Agung atau Bendahari Cawangan dalam tempoh tujuh hari dari tarikh penerimaannya. Kira-kira bank itu hendaklah dengan nama Kesatuan

dan butir-butir mengenai kira-kira bank itu hendaklah dihantarkan kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja.

- (4) Semua cek atau notis pengeluaran wang atas nama Kesatuan hendaklah ditandatangani bersama-sama oleh Presiden (dimasa ketiadaannya oleh Naib Presiden), Setiausaha Agung (dimasa ketiadaannya oleh Penolong Setiausaha Agung) dan Bendahari Agung. Dimasa ketiadaan Bendahari Agung maka Majlis Jawatankuasa Tertinggi hendaklah melantik seorang diantara mereka itu untuk menggantikannya. Kira-kira Cawangan hendaklah diselenggarakan menurut Peraturan 32.
- (5) Bendahari Agung dibenarkan menyimpan wang tunai tidak lebih dari lima ratus ringgit pada sesuatu masa dan tidak dibenarkan membelanjakan lebih dari dua ratus lima puluh ringgit pada sesuatu masa tanpa mendapat kebenaran Majlis Jawatankuasa Tertinggi terlebih dahulu. Bendahari Agung hendaklah menyediakan satu belanjawan tahunan untuk diluluskan dalam persidangan perwakilan dan segala perbelanjaan yang dibuat oleh Kesatuan hendaklah di dalam had yang dibenarkan oleh belanjawan itu. Belanjawan itu bolehlah dipinda dari semasa ke semasa dengan mendapat kelulusan terlebih dahulu di dalam persidangan perwakilan atau dengan surat pekeliling.
- (6) Semua harta Kesatuan hendaklah dimiliki dengan nama Pemegang-pemegang Amanah bersama-sama.

Wang-wang Kesatuan yang tidak dikehendaki untuk urusan pentadbiran Kesatuan sehari-hari bolehlah:-

- (a) Digunakan untuk membeli atau memajak sebarang tanah atau bangunan untuk kegunaan Kesatuan. Tanah atau bangunan ini boleh dijual, ditukar, disandarkan(charged) atau dipajak mengikut mana-mana Undang-undang bertulis atau undang-undang lain yang terpakai pada masa ini;
- (b) Dilaburkan dalam mana-mana jaminan-jaminan amanah (securities) atau dalam mana-mana pinjaman kepada mana-mana syarikat mengikut mana-mana undang-undang yang berkaitan dengan pemegang amanah (trustees);
- (c) Disimpan dalam Bank Simpanan Nasional, dalam mana-mana bank yang ditubuhkan di Malaysia atau dalam mana-mana syarikat kewangan yang merupakan syarikat cabangan bank tersebut; atau
- (d) Dengan mendapat kelulusan terlebih dahulu dari Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat dan tertakluk kepada syarat-syarat yang mungkin dikenakan oleh beliau, dilaburkan -
 - (i) Dalam mana-mana Syarikat kerjasama yang berdaftar; atau
 - (ii) Dalam mana-mana perusahaan perniagaan, perindustrian atau pertanian dalam *enterprise bank*

yang ditubuhkan dan berjalan urusannya di Malaysia.

Semua belian dan pelaburan-pelaburan di bawah Peraturan ini hendaklah dipersetujui terlebih dahulu oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi dan dibuat dengan nama Pemegang-pemegang Amanah Kesatuan, yang akan memegangnya bagi pihak ahli-ahli Kesatuan.

- (7) Bendahari Agung hendaklah menulis atau menguruskan supaya ditulis di dalam buku kira-kira wang Kesatuan keterangan penerimaan dan perbelanjaan wang Kesatuan. Apabila ia berhenti atau meletak jawatan atau pekerjaan dan pada atau sebelum 1hb Julai tiap-tiap tahun, dan pada bila-bila masa ia dikehendaki membuat demikian oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi atau perwakilan dengan ketetapan yang dibuat di dalam persidangan perwakilan atau persidangan perwakilan luarbiasa atau apabila dikehendaki oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja maka hendaklah ia menyerahkan kepada Kesatuan dan ahli-ahlinya atau kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja, jika permintaan itu dari pihaknya, suatu kenyataan yang sah lagi betul perihal sekelian wang yang diterima atau dibayarnya dalam masa yang baru lalu semenjak ia menerima jawatannya, atau jika ia telah pernah membentangkan kira-kiranya terlebih dahulu, maka dari tarikh kira-kira dahulu itu dibentangkan. Maka hendaklah dinyatakan baki wang ditangannya pada masa ia menyerahkan kira-kira itu dan menerangkan sekelian bon dan jaminan (bond and securities) atau lain-lain harta Kesatuan di dalam

simpanan atau jagaannya.

- (8) Borang yang akan digunakan untuk membentang kira-kira itu ialah sebagaimana yang ditentukan oleh Peraturan-peraturan Kesatuan Sekerja 1959. Kira-kira itu hendaklah diakui betul dengan surat sumpah dan Kesatuan hendaklah menguruskan supaya kira-kira itu diaudit oleh orang yang layak dan berkebolehan yang dipersetujukan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja.

Sesudah sahaja kira-kira itu diaudit maka Bendahari Agung hendaklah menyerahkan kepada Pemegang-pemegang Amanah Kesatuan jika dikehendaki oleh mereka itu, sekelian bon dan jaminan, perkakas, buku-buku, surat dan harta kepunyaan Kesatuan yang ada di dalam simpanan atau jagaannya.

Peraturan 20. Pemeriksaan Buku-buku dan Kira-kira

Tiap-tiap orang yang berhak dalam hal kewangan Kesatuan boleh memeriksa buku-buku dan kira-kira Kesatuan dan nama-nama ahli pada masa-masa yang munasabah di tempat buku-buku itu disimpan dengan syarat ia membuat permintaan dengan memberi tempoh yang berpatutan.

Peraturan 21. Yuran Khas (levy)

- (1) Sesudah diputuskan dengan undi sulit menurut Peraturan 25, maka bolehlah Majlis Jawatankuasa Tertinggi memungut yuran khas dari semua ahli Kesatuan dan semua ahli (selain dari mereka yang dikecualikan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi menurut Peraturan 4 ceraian 5) hendaklah menjelaskannya.
- (2) Jika seseorang ahli tidak menjelaskan yuran khas itu dalam tempoh enam minggu dari tarikh ia dijalankan atau dalam tempoh yang lebih panjang lagi sebagaimana yang ditetapkan di dalam keputusan yang telah diambil itu, maka wang itu hendaklah disifatkan sebagai hutang yuran Kesatuan dan ahli itu boleh terlucut haknya menurut peraturan 4.

Peraturan 22. Pertikaian Kerja

- (1) Jika seseorang ahli berhajat supaya diambil tindakan berkenaan dengan syarat-syarat pekerjaannya atau sebarang hal yang lain maka hendaklah ia memberitahu Setiausaha Cawangannya akan pengaduannya itu dengan surat, jika dapat, Setiausaha Cawangan itu hendaklah menyampaikan hal pengaduan itu kepada Jawatankuasa Cawangan dengan serta-merta. Jika pengaduan ahli itu dibuat dengan mulut maka hendaklah dituliskannya dan disampaikan satu salinan pengaduan itu bersama-sama dengan laporannya. Jawatankuasa Cawangan hendaklah memutuskan

samada perkara itu akan diselenggarakan di peringkat Cawangan atau diserahkan kepada Majlis Jawatankuasa Tertinggi.

- (2) Jika berbangkit sesuatu pertikaian kerja maka ahli-ahli yang berkenaan hendaklah menyampaikan hal itu kepada Setiausaha Cawangan dan Setiausaha Cawangan hendaklah terus melaporkan hal itu kepada Jawatankuasa Cawangan. Jawatankuasa Cawangan hendaklah menguruskan hal pertikaian itu jika difikirkan patut ia membuat demikian dan jika tidak hendaklah disampaikannya perkara itu kepada Majlis Jawatankuasa Tertinggi. Bagaimanapun, hal itu hendaklah diberitahu oleh Jawatankuasa Cawangan kepada Majlis Jawatankuasa Tertinggi dengan sepenuhnya.
- (3) Sebarang tindakan perusahaan tidak boleh dilakukan melainkan (a) kebenaran Majlis Jawatankuasa Tertinggi atau Jawatankuasa Cawangan telah diperoleh (b) sekurang-kurangnya seramai dua pertiga dari ahli-ahli yang berkenaan dan berhak mengundi menurut Peraturan 25 telah mengundi mempersetujui supaya tindakan yang dicadangkan itu diambil dan (c) keputusan undi telah dikemukakan kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja dalam Borang yang ditentukan oleh Peraturan-peraturan Kesatuan Sekerja 1959. Majlis Jawatankuasa Tertinggi atau Jawatankuasa Cawangan, mana-mana yang berkenaan tidak boleh menyokong sebarang mogok samada dengan wang atau lain-lainnya melainkan sesudah diambil undi

sulit dan keputusan suara sebanyak yang dikehendaki yang menyetujuinya itu telah didapati.

- (4) Sebarang undi sulit yang diadakan bagi maksud tindakan perusahaan hendaklah mengandungi usul yang menyatakan dengan jelasnya bentuk tindakan perusahaan yang dicadangkan dan alasan-alasan bagi tindakan perusahaan tersebut dan keputusan undian itu sah hanya bagi tempoh enam bulan sahaja dikira dari tarikh undian itu diadakan.
- (5) Mana-mana kumpulan ahli yang mengambil tindakan perusahaan dalam bentuk apa sekalipun yang bertentangan dengan Ordinan Kesatuan Sekerja 1959 atau peraturan-peraturan Kesatuan ini akan terhenti dari menjadi ahli Kesatuan dan setelah itu ahli-ahli itu tidaklah layak menjadi ahli sesuatu Kesatuan Sekerja kecuali diluluskan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja.

Peraturan 23. Pekerjaan Pelajaran

Kesatuan boleh menyelenggarakan pelajaran bagi ahli-ahlinya dengan mengadakan perjumpaan-perjumpaan dan kelas-kelas. Selanjutnya Kesatuan boleh menerbitkan buku-buku dan menjalankan urusan-urusan lain seumpamanya yang boleh memajukan pengetahuan ahli-ahlinya dalam hal perusahaan, kebudayaan dan kemasyarakatan dengan syarat hendaklah menurut undang-undang yang berjalan kuatkuasanya mengenai perbelanjaan wang-wang Kesatuan Sekerja.

Peraturan 24. Peraturan dan Pemindaan Peraturan

- (1) Pemindaan Peraturan yang akan menyebabkan beratnya lagi tanggungan ahli untuk mencarum atau kurangnya faedah yang akan didapatinya hanya boleh dibuat jika diluluskan oleh ahli-ahli dengan undi sulit. Dengan syarat ini Peraturan-peraturan Kesatuan ini bolehlah dipinda di dalam Persidangan Perwakilan yang diadakan menurut Peraturan 9 atau Peraturan 10 atau dengan undi sulit.
- (2) Tiap-tiap pindaan peraturan akan berjalan kuatkuasanya dari tarikh pindaan itu didaftarkan oleh Pendaftar Kesatuan Sekerja kecuali jika suatu tarikh yang terkemudian dari itu ada ditentukan di dalam Peraturan ini.
- (3) Suatu naskah Peraturan-peraturan Kesatuan yang dicetak dalam bahasa Malaysia (rumi) atau bersama-sama dengannya satu naskah dalam bahasa inggeris atau cina atau tamil yang berkuatkuasa pada masa itu hendaklah diletakkan disuatu tempat yang senang dilihat di Pejabat Kesatuan yang didaftarkan. Setiausaha Kesatuan hendaklah memberi Peraturan-peraturan Kesatuan kepada sesiapa juga yang memintanya dengan membayar tidak lebih dari seringgit senaskah.

Peraturan 25. Undi Sulit

- (1) Keputusan-keputusan berkenaan dengan perkara-perkara yang tersebut di bawah ini hendaklah dibuat dengan undi sulit oleh semua ahli atau oleh ahli-ahli yang berkenaan (sebagaimana yang ditentukan) dengan syarat ahli-ahli yang belum sampai 18 tahun umurnya tidak berhak mengundi atas perkara-perkara (c), (d), (e) dan (h) :-
- (a) Pilihan pegawai-pegawai Kesatuan (selain dari Pemegang Amanah) menurut Peraturan 12 dan Peraturan 29;
 - (b) Pilihan wakil ke Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan dan Persidangan Perwakilan Luarbiasa menurut Peraturan 9 atau pilihan wakil ke Persekutuan Kesatuan-kesatuan Sekerja;
 - (c) Semua perkara mengenai mogok menurut Peraturan 22 ceraian 3;
 - (d) Mengenakan yuran khas (levy);
 - (e) Pemindaan peraturan-peraturan ini jika pemindaan itu menyebabkan beratnya lagi tanggungan ahli untuk mencarum atau kurangnya faedah yang akan didapatinya;
 - (f) Bercantum dengan Kesatuan Sekerja yang lain atau memindahkan urusan kepada Kesatuan Sekerja yang lain;

- (g) Bergabung dengan atau menubuhkan sebuah Persekutuan Kesatuan Sekerja;
 - (h) Membubarkan Kesatuan atau Persekutuan Kesatuan Sekerja.
- (2) Untuk mengambil undi sulit cara-cara yang diterangkan di dalam Lampiran kepada Peraturan-peraturan ini hendaklah diikuti.

Peraturan 26. Pertikaian

- (1) Tiap-tiap pertikaian yang berlaku diantara :-
- (a) seseorang ahli atau seseorang yang menuntut melalui seorang ahli atau menurut melalui seorang ahli atau menurut Peraturan ini, disebelah pihak, dengan Kesatuan atau Cawangan Kesatuan atau Pegawai Kesatuan, dipihak yang lagi satu; atau
 - (b) seseorang yang musykil yang telah berhenti menjadi ahli Kesatuan atau seseorang yang menuntut melalui orang yang musykil itu, disebelah pihak, dengan Kesatuan atau Cawangan Kesatuan atau Pegawai Kesatuan, di pihak yang lagi satu; atau
 - (c) Kesatuan dengan seseorang pegawai atau Cawangan Kesatuan; atau
 - (d) Dua buah Cawangan Kesatuan atau lebih dengan pegawai masing-masing.

Hendaklah diselesaikan dengan jalan pengantaraan (arbitration).

Dengan syarat dalam pertikaian berkenaan dengan :-

- (a) Pilihan Pegawai Kesatuan; atau
- (b) Kira-kira dan Kewangan Kesatuan; atau
- (c) Melanggar peraturan Kesatuan;

Maka bolehlah kedua-dua belah pihak, bersama-sama menyampaikan pertikaian itu kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja dan keputusannya adalah muktamad.

- (2) Suatu jumlah pengantara (arbitrators) yang terdiri tidak kurang dari lima orang yang tidak ada kena mengena dengan kewangan Kesatuan secara langsung atau tidak langsung hendaklah dilantik di dalam sesuatu persidangan perwakilan kesatuan untuk menjadi pengantara-pengantara bagi Kesatuan. Apabila kosong tempat mereka itu maka kekosongan itu hendaklah dipenuhkan dengan memilih gantinya dipersidangan perwakilan yang berikut.
- (3) Pihak yang mengadu dalam sesuatu pertikaian atau seseorang yang dipilih olehnya hendaklah memilih dengan undi tiga nama dari nama-nama pengantara Kesatuan. Maka tiga orang pengantara yang nama mereka itu terdahulu dipilih hendaklah menyelesaikan pertikaian itu.

- (4) Dalam Peraturan ini perkataan ‘pertikaian’ meliputi sebarang pertikaian mengenai soal samada seseorang ahli atau orang yang musykil itu berhak menjadi ahli, terus menjadi ahli ataupun diterima semula menjadi ahli. Akan tetapi bagi seseorang yang telah berhenti menjadi ahli, perkataan ‘pertikaian’ ini hanya meliputi pertikaian diantaranya dengan Kesatuan atau Pegawai Kesatuan mengenai soal yang berbangkit di masa ia menjadi ahli Kesatuan ataupun dengan sebab perhubungannya di masa ia menjadi ahli.
- (5) Pihak-pihak yang berselisih berhak membuat rayuan kepada Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan dan keputusan persidangan mengenainya itu adalah muktamad.

Peraturan 27. Pembubaran

- (1) Kesatuan ini tidak boleh dibubarkan sendiri melainkan dengan persetujuan tidak kurang dari 75% dari ahli-ahli yang berhak mengundi yang didapati dengan undi sulit. Jika sekiranya Kesatuan ini dibubarkan seperti yang tersebut di atas maka segala hutang dan tanggungan yang dibuat dengan halal bagi pihak Kesatuan hendaklah dijelaskan dengan penuh dan baki wang yang tinggal hendaklah diselesaikan oleh ahli-ahli menurut keputusan yang dibuat oleh mereka dengan undi sulit.

Peraturan 28. Penubuhan dan Pembubaran Cawangan

- (1) Majlis Jawatankuasa Tertinggi boleh menubuhkan cawangan di mana-mana negeri (termasuk Wilayah Persekutuan) jika ada di negeri itu sekurang-kurangnya 50 orang ahli.
- (2) Majlis Jawatankuasa Tertinggi boleh membubarkan sesuatu cawangan :-
 - (a) jika bilangan ahli cawangan itu kurang dari 50 orang selama enam bulan berturut-turut; atau
 - (b) jika cawangan enggan menurut Peraturan Kesatuan atau keputusan persidangan perwakilan atau keputusan Majlis Jawatankuasa Tertinggi atau pada pendapat Majlis Jawatankuasa Tertinggi cawangan itu bersalah kerana melakukan sebarang perbuatan yang akan merugikan kesatuan.
- (3) Keputusan hendak membubarkan cawangan itu hendaklah dibuat dalam Mesyuarat Majlis Jawatankuasa Tertinggi dengan suara yang terbanyak. Akan tetapi jika sesuatu cawangan itu hendak dibubarkan menurut perenggan 2(b) maka cawangan itu hendaklah diberi notis 30 hari dan diberi peluang untuk menjawab tuduhan-tuduhan ke atasnya.
- (4) Jika sekiranya sesuatu cawangan itu dibubarkan dengan alasan yang tersebut di perenggan 2(a) di atas maka Majlis Jawatankuasa Tertinggi hendaklah memindahkan ahli-ahli yang tinggal itu ke

cawangan yang berhampiran sekali. Jika sekiranya cawangan itu dibubarkan dengan alasan-alasan yang tersebut di perenggan 2(b) di atas maka sekalian ahlinya akan terhenti dari menjadi ahli Kesatuan dan akan hilang segala haknya di dalam Kesatuan.

- (5) Perintah membubarkan cawangan itu hendaklah ditandatangani oleh Setiausaha Agung. Apabila diterimanya perintah itu maka cawangan itu tidak lagi boleh menjalankan kerjanya kecuali kerja-kerja menutupnya.
- (6) Cawangan yang tidak puas hati dengan perintah pembubaran itu boleh mengemukakan surat kepada Setiausaha Agung merayu kepada Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan dalam tempoh 30 hari dari tarikh penerimaan perintah itu. Meskipun rayuan itu dibuat perintah pembubaran itu akan dijalankan juga kuatkuasanya sehingga ia dibatalkan. Akan tetapi dalam hal yang demikian Majlis Jawatankuasa Tertinggi boleh melantik dari antara mereka itu sendiri suatu jawatankuasa pengelola untuk menguruskan hal ehwal cawangan itu sehingga rayuan itu mendapat keputusan. Cawangan tidak boleh diwakili oleh peguam atau seseorang yang bukan ahli pada tarikh perintah pembubaran itu dikeluarkan.
- (7) Adalah menjadi kewajipan Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari cawangan yang dibubarkan itu menyerahkan kepada Setiausaha Agung segala buku-buku, surat-surat, wang dan harta kepunyaan cawangan, bersama-sama dengan suatu kenyataan kewangan

dari tarikh kira-kira yang lalu dibentangkan sehingga perintah pembubaran itu dikeluarkan.

Peraturan 29. Jawatankuasa Cawangan

- (1) Jawatankuasa cawangan hendaklah mengandungi seorang Pengerusi cawangan, seorang Setiausaha cawangan, seorang Bendahari cawangan dan 10 orang ahli Jawatankuasa Cawangan.

36/3/2016(1)

- (2) Wakil-wakil cawangan dan ahli-ahli jawatankuasa cawangan hendaklah dipilih tiap-tiap tiga tahun sekali dengan undi sulit dan keputusan undi itu hendaklah diumumkan dalam mesyuarat agung tiga tahunan cawangan itu. Sekiranya seseorang calon untuk jawatan itu tidak berlawan dan pencalonannya telah dilaksanakan menurut cara-cara yang ditentukan di dalam Peraturan 30(3), maka ia hendaklah dianggap dengan serta merta telah dilantik dan namanya diasingkan dari kertas undi untuk perlantikan pegawai-pegawai cawangan dan wakil-wakil. Jawatankuasa cawangan dan wakil-wakil cawangan yang pertama hendaklah dilantik dengan undi sulit dalam masa tiga bulan setelah cawangan itu ditubuhkan dan sehingga perlantikan itu dijalankan Jawatankuasa sementara cawangan yang dilantik secara angkat tangan dalam mesyuarat agung merasmikan pembukaan cawangan itu hendaklah menguruskan hal ehwal cawangan. Ahli-ahli jawatankuasa cawangan hendaklah memegang jawatan dari satu mesyuarat agung tahunan cawangan ke satu mesyuarat agung tahunan cawangan yang lain.

Dengan syarat sekiranya pada satu mesyuarat agung luarbiasa suatu usul ‘tidak percaya’ terhadap Jawatankuasa Cawangan telah diluluskan oleh dua pertiga suara teramai, maka Jawatankuasa Cawangan hendaklah dengan serta merta bertugas atas dasar pengurus sementara dan dalam tempoh sebulan setelah mesyuarat agung luarbiasa itu, ia hendaklah mengadakan perlantikan semula pegawai-pegawai, dilaksanakan dengan undi sulit. Pegawai-pegawai yang dilantik dengan cara ini hendaklah memegang jawatan sehingga mesyuarat agung tahunan yang akan datang. Apabila sahaja berlaku pertukaran pegawai-pegawai, di dalam masa seminggu pegawai-pegawai atau jawatankuasa cawangan yang bakal meninggalkan jawatan hendaklah menyerahkan kepada pegawai-pegawai atau Jawatankuasa Cawangan yang bakal memegang jawatan segala keterangan berhubung dengan jawatan mereka.

- (3) Kewajipan Jawatankuasa Cawangan ialah menguruskan hal ehwal cawangan menurut Peraturan-peraturan Kesatuan dan perintah-perintah yang dikeluarkan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi Jawatankuasa Cawangan hendaklah bermesyuarat sekurang-kurangnya tiga bulan sekali dan cukup korum mesyuarat apabila hadir setengah dari jumlah ahlinya. Setiausaha cawangan hendaklah menyampaikan kepada Setiausaha Agung salinan minit-minit mesyuarat tidak lewat dari 14 hari sesudah mesyuarat itu diadakan.

- (4) Pengerusi cawangan hendaklah menjadi pengerusi mesyuarat-mesyuarat agung cawangan dan semua mesyuarat Jawatankuasa Cawangan dan akan bertanggungjawab tentang kesempurnaan mesyuarat-mesyuarat itu. Ia mempunyai undian pemutus dan hendaklah menandatangani minit-minit mesyuarat apabila disahkan. Ia akan menyelenggarakan urusan kira-kira bank bersama-sama dengan Setiausaha dan Bendahari Cawangan menurut Peraturan 32 dan akan mengawasi pentadbiran am cawangan.
- (5) Setiausaha cawangan hendaklah menguruskan segala kerja-kerja cawangan menurut Peraturan-peraturan Kesatuan dan menjalankan perintah Majlis Jawatankuasa Tertinggi dan jawatankuasa cawangan. Ia hendaklah bertanggungjawab tentang surat menyurat cawangannya, menyimpan buku-buku, surat-surat keterangan dan kertas-kertas kepunyaan jabatannya dan akan menyelenggarakan kerja-kerja ini menurut arahan Majlis Jawatankuasa Agung atau jawatankuasa cawangan. Ia akan menyimpan atau menguruskan supaya disimpan sebuah daftar ahli yang bertulis dengan nama dan alamat ahli-ahli cawangannya dan ia hendaklah memberitahu Setiausaha Agung diakhir tiap-tiap tiga bulan mengenai apa-apa pertukaran yang berlaku terhadap ahli-ahli itu. Ia hendaklah memanggil mesyuarat-mesyuarat agung dan mesyuarat-mesyuarat jawatankuasa cawangannya dengan arahan dan persetujuan Pengerusi Cawangan dan hendaklah dituliskannya minit-minit mesyuarat itu.

ia hendaklah menguruskan kira-kira bank cawangannya bersama-sama dengan Pengerusi dan Bendahari cawangan.

- (6) Bendahari cawangan adalah bertanggungjawab tentang segala wang yang diterima dan dibayarnya bagi pihak Kesatuan dan tentang menulis dan menyimpan buku kira-kira kewangan dengan sempurnanya menurut Peraturan-peraturan Kesatuan Sekerja 1959. Ia hendaklah mengeluarkan resit rasmi bagi segala wang yang diterimanya. Maka tidaklah boleh lain-lain pegawai atau kakitangan Kesatuan di cawangan itu menerima wang atau mengeluarkan resit dengan tiada mendapat kebenaran yang jelas yang diberikan dengan bersurat oleh Pengerusi cawangan pada tiap-tiap kali dikehendaki mereka itu membuat demikian. Ia hendaklah bertanggungjawab tentang keselamatan segala buku-buku kewangan dan surat-surat keterangan yang berkaitan di pejabat cawangannya dan tidak boleh dikeluarkan olehnya buku-buku dan surat-surat keterangan dari pejabat rasmi cawangannya tanpa kebenaran yang jelas yang diberikan dengan bersurat oleh Pengerusi Cawangan Kesatuan pada tia-tiap kali ia hendak mengeluarkannya. Ia hendaklah menguruskan kira-kira bank cawangannya bersama-sama dengan Pengerusi dan Setiausaha cawangan. Ia adalah bertanggungjawab sendiri tentang wang-wang dan harta-harta Kesatuan yang melalui tangannya.

Peraturan 30. Mesyuarat Agung Cawangan

- (1) Mesyuarat Agung Tiga Tahunan cawangan hendaklah diadakan dengan seberapa segera selepas 31hb Mac dan tidak lewat dari 30hb Jun tiap-tiap tiga tahun sekali. Tarikh, masa dan tempat mesyuarat hendaklah ditetapkan oleh Jawatankuasa cawangan.
- (2) Suatu notis permulaan mengenai Mesyuarat Agung Tiga Tahunan cawangan yang menyatakan tarikh, masa dan tempat mesyuarat, serta meminta usul-usul untuk dibincangkan di dalam mesyuarat itu dan calon-calon untuk perlantikan pegawai-pegawai kanan yang tersebut di dalam Peraturan 12(2), wakil-wakil cawangan dan ahli-ahli Jawatankuasa cawangan hendaklah dikirimkan oleh Setiausaha Cawangan kepada semua ahli-ahli sekurang-kurangnya 28 hari sebelum tarikh yang ditetapkan untuk mesyuarat itu.
- (3) Calonan untuk lantikan pegawai-pegawai kanan yang tersebut di dalam Peraturan 12(2), pegawai-pegawai dan wakil-wakil cawangan serta usul-usul untuk dibincangkan di mesyuarat itu hendaklah dikirimkan oleh ahli-ahli kepada Setiausaha cawangan sekurang-kurangnya empat belas hari sebelum Mesyuarat Agung Tiga Tahunan cawangan. Semua calon-calon hendaklah dibuat dalam borang yang disediakan oleh Kesatuan dan hendaklah mengandungi perkara-perkara yang berikut: nama jawatan yang ditandingi, nama calon, nombor kad pengenalan lama dan baru, tarikh lahir, alamat, pekerjaan, nombor sijil kerakyatan dan lama masa ia bekerja di

dalam pekerjaan, perdagangan atau perusahaan yang ditentukan di dalam Peraturan 3(1). Borang pencalonan itu hendaklah ditandatangani oleh seorang pencadang dan seorang penyokong yang merupakan ahli-ahli yang berhak dan hendaklah mengandungi izin calon yang bertanding itu secara dinyatakan. Pencalonan bagi lantikan Pegawai-pegawai kanan hendaklah dilaksanakan menurut Peraturan 9(7).

- (4) Setiausaha cawangan hendaklah menghantar kepada semua ahli-ahli cawangan sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat suatu agenda yang mengandungi usul-usul, salinan-salinan laporan dan kira-kira, bilangan kertas undi yang dikehendaki serta sampul – sampul surat bagi lantikan wakil – wakil cawangan dan ahli – ahli Jawatankuasa cawangan.
- (5) Satu perempat dari jumlah ahli-ahli yang berhak mengundi akan menjadi korum Mesyuarat Agung Tiga Tahunan cawangan.
- (6) Sekiranya korum tidak cukup satu jam selepas masa yang ditetapkan untuk mesyuarat itu mesyuarat itu, mesyuarat itu hendaklah ditangguhkan kepada suatu tarikh tidak melebihi tujuh hari kemudian, yang akan ditetapkan oleh Jawatankuasa cawangan.
- (7) Sekiranya korum tiada juga cukup satu jam selepas masa yang ditetapkan untuk mesyuarat yang ditangguhkan itu, ahli-ahli yang hadir berkuasa meneruskan mesyuarat itu.

- (8) Mesyuarat Agung Tiga Tahunan cawangan ialah membincangkan kerja-kerja cawangan dalam tiga tahun yang lalu, menetapkan usus-usul untuk dibincangkan di dalam Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan dan membincang serta memutuskan segala perkara yang terkandung di dalam agenda. Selanjutnya mesyuarat hendaklah melantik dua orang Juruaudit dalam cawangan.
- (9) Mesyuarat Agung Luarbiasa cawangan hendaklah diadakan :-
- (i) apabila diperintah oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi atau
 - (ii) apabila sahaja difikirkan mustahak oleh Jawatankuasa cawangan; atau
 - (iii) dengan permintaan yang bertulis dari sekurang-kurangnya satu perempat dari jumlah ahli-ahli dengan menyatakan tujuan dan sebab untuk mengadakan mesyuarat itu.
- (10) Mesyuarat Agung yang diminta oleh ahli-ahli itu hendaklah diadakan di dalam tempoh 14 hari dari tarikh permintaan itu diterima.
- (11) Notis dan agenda bagi sesuatu Mesyuarat Agung Luarbiasa cawangan hendaklah diedarkan oleh Setiausaha cawangan kepada semua ahli-ahli sekurang-kurangnya tujuh hari sebelum mesyuarat itu.

- (12) Syarat-syarat mengenai korum dan penangguhan Mesyuarat Agung Tiga Tahunan cawangan adalah juga terpakai bagi mesyuarat agung luarbiasa cawangan tetapi dengan syarat sekiranya korum tiada cukup satu jam selepas masa yang ditetapkan untuk mesyuarat agung luarbiasa cawangan yang ditangguhkan dan yang diminta oleh ahli-ahli itu maka mesyuarat itu hendaklah dibatalkan dan tiadalah boleh diminta mengadakan lagi mesyuarat agung luarbiasa cawangan bagi tujuan yang sama sehingga telah berlalu tempoh enam bulan dari tarikh yang tersebut.
- (13) Jika Mesyuarat Agung Tiga Tahunan sesuatu cawangan tidak dapat diadakan dalam masa yang ditentukan di bawah Peraturan 30(1) maka suatu mesyuarat agung luarbiasa cawangan bolehlah menjalankan sebarang kerja yang lazimnya dijalankan oleh Mesyuarat Agung Tiga Tahunan cawangan itu dengan syarat mesyuarat agung luarbiasa itu mestilah diadakan sebelum Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan dalam tahun itu.

Peraturan 31. Pemeriksaan Undi Cawangan

Suatu Jemaah Pemeriksa Undi Cawangan yang terdiri dari lima orang dan bukan merupakan pegawai-pegawai yang berkhidmat atau calon-calon bagi jawatan pegawai kesatuan dan yang tinggal berdekatan dengan Ibupejabat cawangan hendaklah dilantik secara angkat tangan dalam Mesyuarat Agung Tiga Tahunan cawangan untuk mengawasi semua

perjalanan undi sulit di peringkat cawangan. Sekurang-kurangnya dua orang Pemeriksa Undi itu hendaklah hadir apabila undi dijalankan. Mereka itu hendaklah mengawasi supaya undian yang dijalankan itu adalah sebenarnya menurut cara-cara yang ditentukan dalam Lampiran kepada Peraturan-peraturan ini dan mengesahkan keputusan undi itu.

Peraturan 32. Wang dan Kira-kira Cawangan

- (1) Segala wang yang terkumpul di Ibupejabat dan di cawangan-cawangan Kesatuan adalah menjadi kepunyaan Kesatuan seluruhnya.
- (2) Majlis Jawatankuasa Tertinggi hendaklah menetapkan dari semasa ke semasa perbelanjaan yang akan dibuat oleh cawangan dan jumlah wang yang boleh disimpan di cawangan sebagai tabung cawangan itu.
- (3) Bendahari cawangan hendaklah menyampaikan kepada Setiausaha Agung sebelum tiap-tiap 14 haribulan yuran-yuran yang diterimanya sesudah ditolak perbelanjaan yang dibenarkan dan potongan yang telah diluluskan untuk tabung cawangan. Bendahari cawangan hendaklah juga menyampaikan kepada Setiausaha Agung sebelum tiap-tiap 14 haribulan suatu penyata pendapatan dan perbelanjaan cawangannya bagi bulan yang lalu.

- (4) Wang yang disimpan oleh cawangan hendaklah dimasukkan ke dalam bank yang dipersetujukan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi dengan nama cawangan itu dan kira-kira bank itu hendaklah diuruskan bersama-sama Pengerusi, Setiausaha dan Bendahari cawangan. Bendahari cawangan dibenarkan menyimpan wang runcit tidak lebih dari dua ratus ringgit pada suatu masa. Ia tidak boleh membelanjakan lebih dari satu ratus ringgit pada suatu masa tanpa kebenaran jawatankuasa cawangan. Bendahari cawangan hendaklah memasukkan segala wang Kesatuan selain dari wang runcit yang dibenarkan ia menyimpan di dalam bank yang dipersetujui oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi dalam tempoh tujuh hari dari tarikh wang-wang itu diterima.

Peraturan 33. Juruaudit Dalam Cawangan

- (1) Dua orang Juruaudit Dalam Cawangan yang bukan merupakan ahli-ahli Jawatankuasa Cawangan hendaklah dilantik secara angkat tangan dalam Mesyuarat Agung Tiga Tahunan cawangan. Mereka hendaklah mengaudit kira-kira cawangan pada penghujung tiap-tiap tiga bulan dan menghantarkan satu salinan penyatanya kepada Setiausaha Cawangan yang akan mengemukakan satu salinan daripadanya kepada tiap-tiap seorang ahli dalam masa empat belas hari.

- (2) Kedua-dua orang Juruaudit Dalam itu hendaklah bertugas bersama-sama menjalankan audit mereka bebas memeriksa semua buku- buku dan keterangan-keterangan yang perlu untuk diaudit itu.
- (3) Seseorang ahli cawangan boleh mengadu dengan bersurat kepada Juruaudit-juruaudit Dalam Cawangan mengenai sebarang hal ehwal kewangan yang tiada betul yang telah sampai kepada pengetahuaannya.

LAMPIRAN

ATURAN MENJALANKAN UNDI SULIT

- (1) Majlis Jawatankuasa Tertinggi hendaklah menetapkan masa bagi menjalankan undi sulit Kesatuan iaitu undi sulit bagi ahli-ahli Kesatuan dan jawatankuasa cawangan hendaklah menetapkan pula masa bagi menjalankan undi sulit cawangan sahaja iaitu undi sulit bagi ahli-ahli cawangan. Mengenai undi sulit Kesatuan, Setiausaha Agung hendaklah memaklumkan kepada semua Setiausaha cawangan perkara-perkara yang perludan menyampaikan kepada mereka itu dalam tempoh yang berpatutan kertas-kertas undi sebanyak yang dikehendaki yang disediakan menurut Contoh A atau Contoh C. Berhubung dengan undi sulit cawangan pula setiausaha cawangan hendaklah berikhtiar menyediakan bilangan kertas-kertas undi yang dikehendaki dalam borang-borang menurut Contoh B atau Contoh C. Mengenai kertas undi di contoh C sesuatu isu yang berlainan tujuannya hendaklah ditentukan dengan menaruh pangkah secara berasingan.
- (2) Jawatankuasa tiap-tiap cawangan hendaklah menetapkan tarikh, masa dan tempat mengundi dan hendaklah memberi kesempatan yang sewajarnya kepada semua ahli-ahli cawangan supaya dapat membuang undi.

- (3) Setiausaha cawangan hendaklah mengeluarkan kepada tiap-tiap orang ahli cawangan yang berhak mengundi kertas undi yang bercop mohor kesatuan atau nama cawangan atau yang ditandatangani oleh Setiausaha Agung atau Setiausaha cawangan, bersama-sama dengan satu sampul surat yang sedia tertulis alamat Setiausaha cawangan itu. Kertas-kertas undi itu hendaklah dikeluarkan dengan pos atau dengan unjukan tangan. Sekiranya ia diberikan dengan unjukan tangan, tandatangan si penerima secara bersendirian hendaklah diperolehi sebagai bukti penerimaan itu. Perkataan "Kertas Undi" dan nombor ahli hendaklah dituliskan di atas sampul surat itu. Kertas undi dan sampul surat itu hendaklah disampaikan kepada ahli supaya sempat ia memulangkannya kepada Setiausaha cawangan sebelum tarikh yang ditetapkan oleh Jawatankuasa cawangan.
- (4) Ahli-ahli bebas memilih samada hendak mengundi dengan pos atau secara peribadi. Sekiranya seseorang ahli itu memilih hendak mengundi dengan pos, ia hendaklah mengembalikan kertas undi itu, setelah ditandanya, kepada Setiausaha cawangan menurut cara-cara yang ditentukan di dalam Peraturan-peraturan ini; tetapi sekiranya ia memilih hendak mengundi secara peribadi ia hendaklah membuang undinya dalam mesyuarat agung menurut cara-cara yang tertera di bawah ini: dengan syarat sekiranya Jawatankuasa cawangan memutuskan bahawa tiadalah wajar mengadakan suatu

Mesyuarat Agung, maka tiadalah terbuka pilihan bagi seseorang ahli itu mengundi secara peribadi.

- (5) Ahli-ahli yang berhak mengundi dan hadir dalam Mesyuarat Agung tetapi telah mengumumkan dengan bersurat bahawa ia belum lagi menerima kertas undi dengan pos akan menerima daripada Setiausaha cawangan kertas undi yang bercop nama cawangan atau yang ditandatangani oleh Setiausaha cawangan itu beserta suatu sampul surat yang bertanda “Kertas Undi” dan nombor ahli itu tertulis di atasnya.
- (6) Pekerjaan mengundi hendaklah dilaksanakan di bawah pengawasan pemeriksa-pemeriksa undi cawangan. Sekurang-kurangnya dua orang pemeriksa undi hendaklah hadir sepanjang masa undi itu dijalankan. Sebelumnya sesebuah peti undi itu digunakan untuk mengundi pemeriksa-pemeriksa undi hendaklah memeriksa peti itu, untuk memastikan bahawa ia kosong, dan setelah itu mereka hendaklah mengunci dan memeterinya kemudian menyimpan kunci-kunci itu dalam jagaan mereka.
- (7) Setiausaha cawangan hendaklah memberi kepada pemeriksa-pemeriksa undi satu senarai nama-nama ahli yang telah diberi kertas undi (dengan tangan atau dengan pos). Mereka itu hendaklah menyemak senarai nama tersebut dengan Daftar Ahli dan Yuran, bagi menentukan (a) bahawa hanya ahli-ahli yang berhak mengundi sahaja yang diberi atau telah diberi peluang mengundi (b) bahawa seseorang ahli hanya mengundi sekali sahaja tentang sesuatu perkara (c) bahawa ahli yang mengundi secara peribadi itu bukan ahli yang telah mengundi dengan pos dan (d) bahawa tiap-tiap ahli

dapat mengundi sesuka hatinya dan undiannya itu tiada diketahui oleh orang lain.

- (8) Apabila tiba masa mengundi secara peribadi itu, tiap-tiap orang ahli yang telah diberi kertas undi hendaklah masuk seorang lepas seorang kedalam bilik atau bahagian dewan di mana peti undi itu ditempatkan. Maka hendaklah mereka itu mengundi dengan menulis tanda pangkah-satu atau beberapa yang dikehendaki di atas kertas undi. Tanda-tanda lain tiadalah boleh digunakan. Setelah melipat kertas undi itu sekurang-kurangnya sekali dan memasukkannya ke dalam sampul surat yang diberi oleh kesatuan, mereka hendaklah menjatuhkannya ke dalam peti undi itu, kemudian meninggalkan tempat itu dengan segera.
- (9) Ahli yang mengundi dengan pos hendaklah menanda kertas undinya demikian juga dan sesudah itu hendaklah melipatkan kertas undi itu sekurang-kurangnya sekali, memasukkan ke dalam sampul surat yang telah disediakan dan menghantarnya kepada setiausaha cawangan supaya sampai kepadanya sebelum tarikh yang ditetapkan untuk mengundi. Kertas-kertas undi yang demikian yang tidak terbuka hendaklah dijatuhkan oleh setiausaha cawangan ke dalam peti bertutup yang disediakan untuk keperluan itu dan hendaklah ia menyimpan peti itu dengan selamat, kemudian menyerahkannya kepada Pemeriksa-pemeriksa Undi hendaklah menjatuhkan sampul-sampul surat yang mengandungi kertas-kertas undi itu ke dalam peti undi.

(10) Apabila ahli yang terakhir sekali yang hadir yang mengundi secara peribadi telah mengundi maka Pemeriksa-pemeriksa Undi hendaklah mengumumkan bahawa undi telah ditutup lalu membuka peti undi itu dan mulai mengira undi, dihadiri oleh sekurang-kurangnya tiga orang pegawai-pegawai cawangan. Mereka mula-mula hendaklah menyemak nombor ahli di atas sampul surat dengan senarai yang telah didapati daripada Setiausaha Cawangan. Bagi tiap-tiap sampul surat yang sudah disemak nombor ahli yang tertulis di atasnya hendaklah di potong supaya tiada dapat dibaca lagi dan sampul surat itu hendaklah dimasukkan dengan tidak berbuka ke dalam peti yang berkunci. Apabila semua sampul surat sudah disemak maka Pemeriksa-pemeriksa Undi hendaklah mengeluarkan sampul-sampul surat itu semula, membukanya dan memasukkan kertas undi yang masih berlipat itu ke dalam peti undi. Apabila ini telah disempurnakan Pemeriksa-pemeriksa Undi hendaklah membuka peti undi itu dan mengira undi. Sekiranya menurut pendapat seseorang Pemeriksa Undi sesuatu kertas undi itu tiada sah, kertas itu hendaklah di tanda "Rosak" dan ditolak.

- (11) Setelah selesai memeriksa dan mengira kertas-kertas undi itu maka Pemeriksa-pemeriksa Undi hendaklah menyediakan dua salinan penyata keputusan undi dan menyerahkan kedua-dua salinan itu kepada Setiausaha cawangan sesudah ditandatanganinya. Penyata itu hendaklah ditandatangani juga oleh Pengurus dan Setiausaha cawangan dan satu salinan daripadanya hendaklah disampaikan kepada Setiausaha Agung. Salinan yang lagi satu itu hendaklah disimpan oleh Setiausaha cawangan selama sekurang- kurangnya enam bulan.
- (12) Apabila penyata-penyata keputusan undi telah diterima daripada semua cawangan oleh Setiausaha Agung maka Setiausaha Agung hendaklah meminta tiga orang Pemeriksa Undi yang dilantik oleh persidangan perwakilan tahunan memeriksa penyata-penyata itu dan menyediakan pula dua salinan penyata keputusan undi yang muktamad. Penyata ini hendaklah ditandatangani oleh Presiden dan Setiausaha Agung. Satu salinan penyata itu hendaklah disampaikan kepada Pendaftar Kesatuan Sekerja dan yang lagi satu itu disimpan oleh Setiausaha Agung selama sekurang-kurangnya enam bulan. Satu salinan penyata itu yang diakui betul oleh Setiausaha Agung hendaklah dihantarkan kepada tiap-tiap Setiausaha cawangan dan mereka itu hendaklah menyimpannya selama sekurang-kurangnya enam bulan dan ditunjukkan kepada ahli-ahli yang suka hendak melihatnya.

- (13) Setiausaha cawangan hendaklah memaklumkan kepada ahli-ahli cawangannya akan keputusan undi itu dengan apa cara yang difikirkannya munasabah.
- (14) Kertas-kertas undi yang telah dikira, termasuk juga kertas-kertas yang ditolak, hendaklah disampaikan oleh Setiausaha cawangan kepada Setiausaha Agung dan Setiausaha Agung akan menyimpan kertas-kertas itu dengan selamat selama sekurang-kurangnya enam bulan dari tarikh keputusan undi yang akhir disahkan supaya dapat diperiksa oleh pegawai-pegawai Pandaftar Kesatuan Sekerja. Diakhir masa enam bulan kertas-kertas undi itu bolehlah dibinasakan oleh atau di bawah kelolaan Presiden dan Setiausaha Agung.

Nama Kesatuan : **Kesatuan Kebangsaan Pembantu Perawatan
Kesihatan Semenanjung Malaysia.**

13

No pendaftaran : Alamat :

KERTAS UNDI BAGI PILIHAN PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Cara Mengundi

- (1) Tuan berhak menanda lima undi iaitu satu undi bagi tiap-tiap seseorang Presiden, Naib Presiden, Penolong Setiausaha Agung dan Bendahari Agung.
- (2) Tuliskanlah undi tuan dengan SULIT dengan menaruh tanda pangkah seperti ini 'X' di dalam ruangan yang disediakan bertentangan dengan nama calon yang tuan suka mengundi. Janganlah dituliskan lain dari tanda 'X' dalam kertas ini dan janganlah mengundi lebih daripada angka yang telah ditetapkan dan jika dibuat demikian kertas undi ini akan ditolak sebagai rosak dan tidak akan dikira.
- (3) Sesudah menulis tanda undi itu (a) lipatkanlah kertas ini sekurang-kurangnya sekali (b) masukkan ke dalam sampul surat yang disediakan oleh kesatuan dan (c) masukkan ke dalam peti undi yang disediakan untuk keperluan itu di dalam bilik mengundi. Jika tuan mengundi dengan pos, lipatkanlah kertas ini sekurang-kurangnya sekali, masukkan ke dalam sampul surat yang telah disediakan dan hantarkan kepada Setiausaha Cawangan supaya sampai kepadanya tidak lewat dari 20.....

PRESIDEN

No	Nama calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		

NAIB PRESIDEN

No	Nama calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		

SETIAUSAHA AGUNG

No	Nama calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		

PENOLONG SETIAUSAHA AGUNG

No	Nama calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		

BENDAHARI AGUNG

No	Nama calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		

Cap Nama Kesatuan

Atau

Tandatangan Setiausaha Agung

Nama Kesatuan : **Kesatuan Kebangsaan Pembantu Perawatan
Kesihatan Semenanjung Malaysia.**

Nama Cawangan :
13

No Pendaftaran Kesatuan :

Alamat Cawangan :

KERTAS UNDI BAGI PILIHAN PEGAWAI-PEGAWAI CAWANGAN DAN WAKIL-WAKIL

Cara Mengundi

- (1) Tuan berhak menanda 11 undi iaitu satu undi bagi tiap-tiap seorang Pengerusi Cawangan, seorang Setiausaha Cawangan, seorang Bendahari Cawangan 8 undi bagi ahli jawatankuasa Cawangan dan..... undi bagi Wakil-wakil / Cawangan-cawangan.
- (2) Tuliskan undi dengan SULIT dengan menaruh tanda pangkah seperti ini 'X' di dalam ruangan yang disediakan bertentangan dengan nama calon yang tuan suka mengundi. Janganlah dituliskan lain dari tanda 'X' dalam kertas ini dan janganlah mengundi lebih daripada angka yang telah ditetapkan dan jika dibuat demikian kertas undi ini akan diitolak sebagai rosak dan tidak akan dikira.
- (3) Sesudah menulis tanda undi itu (a) lipatkanlah kertas ini sekurang-kurangnya sekali (b) masukkan ke dalam sampul surat yang disediakan oleh kesatuan dan (c) masukkan ke dalam peti undi yang disediakan untuk keperluan itu di dalam bilik mengundi. Jika tuan mengundi dengan pos, lipatkanlah kertas undi ini sekurang-kurangnya sekali, masukkan ke dalam sampul surat yang telah disediakan dan hantarkan kepada Setiausaha Cawangan supaya sampai kepadanya tidak lewat dari..... 20.....

PENGERUSI CAWANGAN

No	Nama calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		

SETIAUSAHA CAWANGAN

No	Nama calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		

BENDAHARI CAWANGAN

No	Nama calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		

AHLI-AHLI JAWATANKUASA CAWANGAN

No	Nama calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		

WAKIL-WAKIL CAWANGAN

No	Nama calon	Undi satu sahaja
1.		
2.		

Cap Nama Cawangan

Atau
Tandatangan Setiausaha Cawangan

Nama Kesatuan : **Kesatuan Kebangsaan Pembantu Perawatan
Kesihatan Semenanjung Malaysia.**

13

No pendaftaran : Alamat :

KERTAS UNDI

Cara Mengundi

- (1) Tuan berhak mengundi samada **MENYOKONG** atau **MEMBANGKANG** usul yang berikut :-

(Tuliskan usul itu di sini)

- (2) Tuliskanlah dengan **SULIT** dengan menaruh tanda pangkah seperti ini 'X' di dalam ruangan yang disediakan dibawah ini bertentangan dengan perkataan "MENYOKONG" atau perkataan "MEMBANGKANG" mengikut keputusan sendiri. Janganlah dituliskan lain dari tanda 'X' dalam kertas ini dan jika dibuat demikian kertas undi ini akan ditolak sebagai rosak dan tidak akan di kira.
- (3) Sesudah menulis tanda undi itu (a) lipatkanlah kertas ini sekurang-kurangnya sekali (b) masukkan ke dalam sampul surat yang disediakan oleh kesatuan dan (c) masukkan ke dalam peti undi yang disediakan untuk keperluan itu di dalam bilik mengundi. Jika tuan mengundi dengan pos, lipatkanlah kertas ini sekurang-kurangnya sekali, masukkan ke dalam sampul surat yang telah di sediakan dan hantarkan kepada Setiausaha Cawangan supaya sampai kepadanya tidak lewat dari 20.....

Undi di sini

MENYOKONG	
MEMBANGKANG	

Cap Nama Cawangan /Kesatuan
Atau
Tandatangan Setiausaha Agung/ Cawangan

PERATURAN-PERATURAN TAMBAHAN TABUNG KEBAJIKAN

Peraturan-Peraturan Tambahan Tabung Kebajikan

Kesatuan kebangsaan Pembantu Perawatan Kesihatan Semenanjung Malaysia.

1. Nama

Tabung ini hendaklah dinamakan Tabung Kebajikan Kesatuan Kebangsaan Pembantu Perawatan Kesihatan Semenanjung Malaysia.

Tabung Kebajikan ini hendaklah disebut sebagai “Tabung” dan Kesatuan Kebangsaan Pembantu Perawatan Kesihatan Semenanjung Malaysia sebagai “Kesatuan” sahaja.

2. Tujuan

Tabung ini ditubuhkan bagi tujuan-tujuan berikut :-

- (1) Untuk membolehkan penama ahli atau waris ahli yang sah mendapat bantuan apabila berlaku kematian ahli itu.
- (2) Untuk memberikan faedah bersara kepada ahli-ahli
- (3) Untuk memberikan bantuan kepada ahli-ahli semasa ahli-ahli itu sakit

- (4) Untuk memberikan saguhati kepada ahli-ahli yang berkahwin pertama kali.
- (5) Untuk memberikan saguhati kepada anak-anak ahli yang cemerlang di dalam pelajaran.
- (6) Untuk memberikan saguhati bersalin kepada ahli-ahli wanita sahaja.

3. Ahli

- (1) Semua ahli-ahli kesatuan ini dengan sendirinya menjadi ahli Tabung ini
- (2) Seseorang yang memohon untuk berhenti menjadi ahli kesatuan atau telah menerima faedah bersara dengan sendirinya terhenti dari menjadi ahli Tabung ini. Dan seseorang ahli yang terhutang yurannya selama tiga bulan atau lebih tidak berhak menerima apa-apa faedah atau bantuan atau saguhati yang ditentukan dalam peraturan-peraturan ini.

4. Kewangan

- (1) Tiap-tiap ahli dikenakan bayaran yuran kebajikan RM2.00 (Dua Ringgit Sahaja) sebulan menurut peraturan 4 (1) Peraturan- peraturan Kesatuan. Pungutan ini hendaklah diperuntukkan dan dipindahkan kepada Tabung ini tidak lewat dari hari yang keempat belas pada bulan yang berikutnya.

- (2) Semua wang yang dikutip untuk Tabung ini hendaklah digunakan untuk membayar :-
- a) Faedah kematian ahli-ahli atau waris ahli
 - b) Faedah bersara ahli-ahli
 - c) Faedah waktu sakit ahli-ahli
 - d) Faedah saguhati kepada ahli-ahli yang berkahwin
 - e) Fedah saguhati kepada anak ahli-ahli yang cemerlang pelajarannya
 - f) Faedah saguhati bersalin kepada ahli-ahli wanita.
- (4) Bayaran faedah, bantuan dan saguhati tersebut dalam Peraturan 4(2) di atas hendaklah dibuat mengikut kadar dan cara-cara sebagaimana yang ditentukan dalam Peraturan Tambahan ini.
- (5) Jika Tabung ini tidak digunakan sepenuhnya dalam sesuatu tahun kewangan, bakinya hendaklah dikekalkan di dalam Tabung ini.

5. Pentadbiran

Tabung ini hendaklah ditadbirkan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi Kesatuan.

6. Simpanan Bank

Semua wang Tabung ini hendaklah disimpan di dalam Bank yang diluluskan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi atas nama Tabung Kebajikan dan kira-kiranya hendaklah diselenggarakan bersama-sama oleh Presiden, Setiausaha Agung dan Bendahari Agung Kesatuan.

7. Rekod-Rekod

- (1) Bendahari Agung hendaklah menyediakan dan menyimpan buku kira-kira yang berasingan bagi Tabung ini.
- (2) Buku-buku yang berikut hendaklah diselenggarakan oleh Bendahari Agung :-
 - a) Sebuah Buku Tunai
 - b) Sebuah Daftar Panama Ahli
 - c) Sebuah Daftar pemohon-pemohon faedah kematian dan bersara yang menunjukkan nama dan butir-butir pemohon.
 - d) Sebuah Daftar pemohon faedah saguhati dengan menunjukkan nama dan butir-butir berkenaan dengan pemohon-pemohon itu.
 - e) Sebuah Daftar pemohon-pemohon faedah sakit dengan menunjukkan nama dan butir-butir berkenaan dengan pemohon-pemohon itu.

- f) Sebuah daftar Pemohon-pemohon faedah saguhati kahwin dan bersalin dengan menunjukkan nama dan butir-butir berkenaan dengan pemohon-pemohon itu.
 - g) Buku-buku lain yang difikirkan perlu oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi Kesatuan.
- (3) Setiausaha Agung Kesatuan hendaklah menyelenggarakan segala surat menyurat berkenaan dengan Tabung ini.

8. Penama

Tiap-tiap ahli tabung ini hendaklah melantik seorang penama dan satu borang penama dan satu borang penama hendaklah disediakan seperti yang ditentukan oleh Majlis Jawatankuasa Tertinggi dan hendaklah dipenuhi oleh tiap-tiap ahli dan dihantarkan kepada Setiausaha Agung melalui Setiausaha Cawangan-cawangan. Segala pertukaran penama atau pindaan kepada butir-butir dengan penama itu hendaklah diberitahu dengan segera kepada Setiausaha Agung oleh Setiausaha cawangan- cawangan. Jika tidak ada penama yang dilantik,wang faedah itu hendaklah dibayar kepada waris ahli-ahli yang sah disisi undang-undang

9. Kelayakan Mendapat Faedah.

Tertakluk kepada peraturan 3(1) dari Peraturan Tambahan ini faedah-faedah di bawah peraturan-peraturan ini tidaklah boleh dibayar kecuali ahli-ahli itu telah menjadi ahli kesatuan ini dengan tidak putus-putus selama sekurang-kurangnya 60 bulan. Mana-mana ahli yang telah mendapat faedah bersara tidaklah layak menerima faedah kematian.

Faedah dari Tabung ini hanya akan diberikan kepada ahli-ahli yang telah 1 tahun(matang) atau lebih telah menjadi ahli dan membayar Yuran Keahlian Bulanan dan Yuran Khas Bulanan (Tabung Kebajikan Am) menurut Peraturan 4.

36/2/2010 (1)&(2)

10. Pembayaran Faedah Kematian Ahli

- (1) Apabila mati seseorang ahli kesatuan ini, penama atau waris ahli itu sebagaimana yang ditentukan di bawah Peraturan 8 Peraturan Tambahan ini akan dibayar faedah sebanyak RM500.00 (Lima ratus ringgit) sahaja.
36/3/2016(1)
- (2) Permohonan untuk faedah kematian ini hendaklah dibuat dengan seberapa segera setelah berlaku kematian seseorang ahli itu dan pembayaran faedah hendaklah dibuat tidak lewat dari satu bulan setelah permohonan diterima.
- (3) Tiap-tiap permohonan hendaklah disokong dengan kemukakan dokumen berikut :-
 - a) Salinan kad pengenalan dan alamat surat menyurat yang terkini
 - b) Surat permit perakuan mati atau sijil kematian

11. Pembayaran Faedah Bersara Ahli-ahli

(1) Seseorang ahli kesatuan yang berhenti kerja kerana telah mencapai umur bersara wajib sebagaimana yang ditetapkan dengan syarat-syarat perkhidmatannya akan menerima pembayaran berfaedah barsara sebanyak

(a) Pembayaran faedah bersara adalah mengikut lamanya seseorang itu telah menjadi ahli Kesatuan.

15 tahun ke atas . = RM500.00

Kurang 15 tahun = RM200.00

36/3/2016(1)

- (2) Tiap-tiap permohonan hendaklah disokong dengan surat pengesahan mengenai persaraan ahli itu yang dikeluarkan oleh majikannya.
- (3) Tiap-tiap permohonan hendaklah kemukakan salinan Kad Pengenalan ahli dan alamat surat menyurat yang terkini.
- (4) Seseorang ahli yang telah menerima faedah bersara tidaklah layak menerima faedah kematian.

12. Pembayaran faedah kepada ahli-ahli mendapat rawatan di dalam Wad Hospital

- (1) Seseorang ahli kesatuan yang sakit,dan ianya dirawat di dalam wad mana-mana Hospital Kerajaan atau Hospital Swasta akan dibayar faedah sebanyak RM30.00 (Tiga puluh ringgit) bagi satu hari ianya

dirawat dalam wad berkenaan dan had pembayaran faedah ialah tidak melebihi dari RM420.00 (empat ratus Dua Puluh ringgit) dalam setahun bagi seseorang ahli.

36/3/2016(1)

- (2) Tiap-tiap permohonan hendaklah disokong dengan dokumen pengesahan keluar masuk wad oleh Hospital yang berkenaan.
- (3) Tiap-tiap permohonan hendaklah dikemukakan salinan kad pengenalan ahli dan alamat surat menyurat yang terkini.

13. Bayaran faedah saguhati kepada ahli-ahli yang berkahwin

- (1) Seseorang ahli kesatuan yang berkahwin untuk pertama kali dalam kehidupannya akan dibayar faedah saguhati sabanyak RM100.00 (satu ratus ringgit) sahaja.
- (2) Tiap-tiap permohonan hendaklah disokong dengan dokumen pengesahan perkahwinan yang sah disisi undang-undang.
- (3) Tiap-tiap permohonan hendaklah kemukakan salinan kad Pengenalan ahli dan alamat surat menyurat yang terkini.

14. Pembayaran faedah saguhati kepada anak-anak ahli yang cemerlang dalam pelajaran

- (1) Seseorang ahli kesatuan boleh membuat permohonan untuk mendapatkan faedah saguhati atas anak dan anak angkatnya yang cemerlang dalam pelajaran. Anak angkat adalah anak yang didaftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Negara.

36/2/2010 (1)&(2)

- (2) Faedah saguhati untuk anak-anak ahli hanya yang cemerlang dalam Sijil Pelajaran Malaysia sahaja dan sekurang-kurangnya mendapat 5A..

36/2/2010 (1)&(2)

- (3) Faedah saguhati ini akan dibayar sebanyak RM100.00 (satu ratus ringgit) sahaja.

- (4) Tiap-tiap permohonan hendaklah disokong dengan dokumen pengesahan sekolah anak-anak ahli.

- (5) Tiap-tiap permohonan hendaklah dikemukakan salinan :-

- i. Kad Pengenalan ahli.
- ii. Sijil Lahir anak ahli yang menduduki peperiksaan tersebut.
- iii. Keputusan peperiksaan tersebut

36/2/2010 (1)&(2)

15. Pembayaran faedah saguhati bersalin kepada ahli-ahli perempuan

- (1) Seseorang ahli kesatuan yang perempuan apabila bersalin di mana-mana Hospital Kerajaan atau Hospital Swasta dan ianya dirawat di dalam wad bersalin Hospital berkenaan akan dibayar faedah bersalin sebanyak RM 100.00 (satu ratus ringgit) sahaja untuk sekali bersalin sahaja walau anak keberapa sekalipun.
- (2) Tiap-tiap permohonan itu hendaklah disokong dengan dokumen pengesahan sijil lahir anak dan dokumen keluar masuk wad bersalin oleh Hospital yang berkenaan.
- (3) Tiap-tiap permohonan hendaklah kemukakan salinan kad pengenalan ahli dan alamat surat menyurat yang terkini.

16. Audit

- (1) Kira-kira Tabung ini hendaklah diaudit dengan cara yang sama mengikut kehendak Peraturan-peraturan 15, 16 dan 19 Peraturan-peraturan Perlembagaan Kesatuan.

17. Perkara-perkara yang tidak dinyatakan dalam Peraturan Tambahan

Keputusan Majlis Jawatankuasa Tertinggi adalah muktamad mengenai perkara-perkara yang tidak dinyatakan dalam peraturan tambahan ini melainkan jika dibatalkan oleh Persidangan Perwakilan Tiga Tahunan.

18. Perbelanjaan Pentadbiran

Wang dari tabung ini hanya boleh digunakan bagi membayar faedah kematian ahli, faedah ahli yang bersara, faedah ahli yang sakit, faedah

saguhati pelajaran anak ahli, faedah saguhati ahli yang berkahwin, dan faedah saguhati ahli perempuan yang bersalin mengikut syarat-syarat yang dinyatakan dalam peraturan tambahan ini. Segala perbelanjaan berhubung dengan pentadbiran tabung ini hendaklah dibayar dari tabung Am kesatuan.

19. Penambahan dan Pindaan Peraturan Tambahan

Penambahan atau pindaan kepada peraturan tambahan ini tidak boleh dibuat melainkan dengan mengikut Peraturan 24 dari Peraturan-peraturan Perlembagaan Kesatuan dan segala tambahan atau pindaan itu tidak boleh dikuatkuasakan sehingga didaftarkan oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja.

20. Pembubaran

Jika Majlis Jawatankuasa Tertinggi berpendapat bahawa disebabkan oleh kedudukan kewangan Tabung ini atau dengan lain-lain sebab Tabung ini tidak boleh lagi diteruskan, maka satu ketetapan bagi pembubarannya akan diambil dengan undi sulit oleh semua ahli yang berhak. Tabung ini tidak boleh dibubarkan dengan sukarela kecuali dengan persetujuan 75% dari ahli yang berhak mengundi. Apabila tabung ini dibubarkan, segala tanggungan dan hutangnya hendaklah diselesaikan dan bakinya jika ada hendaklah dipindahkan kepada Tabung Am Kesatuan.